

911-74

ISBN 967-912-005-8

SIRI SEJARAH PENTADBIRAN

**SEJARAH PENTADBIRAN  
KEMENTERIAN HAL EHWAL  
DALAM NEGERI**

ARKIB NEGARA MALAYSIA  
1990

## KANDUNGAN

	Muka Surat	
PENDAHULUAN	i	
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI	1	
Jabatan Hal Ehwal Orang Asli	9	
Ikatan Relawan Rakyat (RELA)	13	
Jabatan Imigresen Malaysia	17	
Jabatan Pendaftaran Negara	21	
Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia	25	
Jabatan Penjara Malaysia	29	
Jabatan Percetakan Negara	33	
Jabatan Pertahanan Awam	35	
Jabatan Polis Di Raja Malaysia	39	
HUJUNGAN-HUJUNGAN		
Hujungan i	Carta Organisasi Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri	43
Hujungan ii	Carta Organisasi Jabatan Hal Ehwal Orang Asli	44
Hujungan iii	Carta Organisasi Ikatan Relawan Rakyat (RELA)	45
Hujungan iv	Carta Organisasi Jabatan Imigresen Malaysia	46
Hujungan v	Carta Organisasi Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia	47
Hujungan vi	Carta Organisasi Jabatan Penjara Malaysia	48
Hujungan vii	Carta Organisasi Jabatan Pertahanan Awam	49
Hujungan viii	Carta Organisasi Jabatan Polis Di Raja Malaysia	50
SENARAI AKTA	51	
BIBLIOGRAFI	52	

## PENDAHULUAN

Pelbagai usaha telah dijalankan oleh Arkib Negara Malaysia untuk menghasilkan terbitan-terbitan mengenai bahan-bahan yang berada di dalam simpanannya. Antaranya termasuklah Senarai-senarai Penerimaan, Inventori, terbitan-terbitan In-Extenso, Panduan Rekod-rekod Negeri, Panduan Rekod-rekod Persekutuan dan senarai topik-topik tertentu. Sebahagian besar daripada Panduan-panduan tersebut tidak mempunyai sejarah pentadbirannya.

Dalam usaha untuk melengkapkan lagi Panduan-panduan tersebut, Arkib Negara telah menjalankan projek Sejarah Pentadbiran Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan Persekutuan yang telah dimulakan pada bulan Ogos 1984. Projek ini disediakan bertujuan untuk membantu penyelidik-penyalidik di dalam penyelidikan mereka. Maklumat sejarah yang dikumpul meliputi sejarah dan perkembangan Kementerian sehingga tahun 1982 dan pada ketika itu terdapat 24 buah Kementerian di dalam pentadbiran Kerajaan Persekutuan. Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri adalah salah satu daripada Kementerian-kementerian tersebut.

Kajian Sejarah Pentadbiran adalah penting dan setiap kumpulan arkib perlu mempunyai sejarah lengkap dan tepat mengenai Jabatan-Jabatan yang mengwujudkan rekod-rekod tersebut. Maklumat latarbelakang seperti ini merupakan alat yang tidak boleh dipisahkan di dalam menjelaskan makna rekod-rekod Kerajaan dan di dalam memahami fungsi Jabatan-jabatan berkenaan. Sejarah Pentadbiran juga dapat membantu Pegawai-pegawai Arkib mengenai keadaan sebenar rekod-rekod yang berada di dalam jagaannya. Kementerian dan sejumlah besar Jabatan-jabatan Kerajaan Persekutuan melibatkan kerja-kerja penyelidikan yang mengambil masa yang panjang. Sejarah Pentadbiran ini akan diterbitkan berperingkat-peringkat dalam bentuk siri yang dinamakan 'SIRI SEJARAH PENTADBIRAN'.

Saya berharap bahawa sejarah pentadbiran ini dapat membantu penyelidik-penyalidik yang berminat untuk mengelahui latarbelakang sejarah penubuhan, objektif-objektif dan fungsi-fungsi sesebuah Jabatan yang tertentu.

ZAKIAH HANUM  
Ketua Pengarah  
Arkib Negara Malaysia

Jun. 1989.

M  
354.595063  
SEJ

553587

APB

## KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

Sejak dari penubuhan Persekutuan Tanah Melayu pada 1 Februari 1948 sehingga bulan Mac 1951, pentadbiran negara di peringkat Persekutuan atau Kerajaan Pusat telah diuruskan oleh tiga orang pegawai tinggi Inggeris iaitu Ketua Setiausaha atau Setiausaha Kerajaan, Peguam Negara dan Setiausaha Kewangan. Ketiga-tiga orang pegawai tinggi Inggeris ini adalah merupakan Pegawai Tetap Ahli Majlis Perundungan Persekutuan serta Ahli Majlis Kerja Persekutuan. Dalam bulan Mac 1951, pemerintahan penjajah Inggeris di Persekutuan Tanah Melayu telah membuat satu perubahan penting lagi berasaskan dengan mengwujudkan satu sistem pentadbiran yang baru yang dinamakan 'Sistem Ahli'. Di bawah sistem ini sembilan orang Ahli Rasmi Majlis Perundungan Persekutuan dilantik dan diberi tanggungjawab terhadap beberapa buah Jabatan dan perkara-perkara yang berkaitan dengan urusan Kerajaan seperti hal ehwal dalam negeri, hal ehwal ekonomi, pelajaran, kesihatan dan sebagainya. Pegawai-pegawai yang diberi tanggungjawab dinamakan Ahli dan bertanggungjawab kepada Ketua Setiausaha/Setiausaha Kerajaan.

Semenjak ditubuhkan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri telah melalui sejarahnya tersendiri lebih dari suku abad. Kementerian telah beberapa kali bertukar nama dari Jabatan Hal Ehwal Dalam Negeri kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kementerian Dalam Negeri dan Keadilan, Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Keselamatan Dalam Negeri dan akhirnya kembali kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Di waktu penubuhannya pada bulan April 1951, portfolio atau Jabatan Hal Ehwal Dalam Negeri adalah bertanggungjawab keatas sembilan agensi Kerajaan iaitu Pejabat Urusan Haji, Pejabat Pendaftaran, Pejabat Kebajikan Orang Asli dan Lembaga Kemajuan Kampung dan Perusahaan.

Sebelum bulan April 1951, pejabat-pejabat tersebut wujud secara berasingan serta ditadbir oleh Ketua Pejabat masing-masing iaitu Pengarah Penyiaran, Persuruhjaya bagi Kemajuan Kerjasama, Pengurus Unit Filem, Penguasa Imigresen, Pengarah Perkhidmatan Penerangan, Pesuruhjaya Urusan Haji, Ketua Pegawai Pendaftaran, Penasihat bagi Orang Asli dan Timbalan Pengurus RIDA. Mereka ini bertanggungjawab kepada Ketua Setiausaha dan Setiausaha Kerajaan yang bertanggungjawab pula kepada Pesuruhjaya Tinggi Inggeris bagi Persekutuan Tanah Melayu. Beliau juga menjadi wakil Raja Inggeris di Persekutuan Tanah Melayu dan mempunyai kuasa yang luas dalam hal membuat undang-undang dan menjalankan pentadbiran negeri.

Pada masa mula ditubuhkan, Jabatan Hal Ehwal Dalam Negeri merupakan satu unit pentadbiran yang terkecil sekali. Perjawatannya terdiri dari Ahli bagi Hal Ehwal Dalam Negeri merangkap Pengurus RIDA, Setiausaha kepada Ahli, seorang Setiausaha Sulit, seorang jurutaip, dan tiga orang Kerani Am, dan seorang Budak Pejabat. Pejabat Setiausaha yang pertama kepada Ahli bagi Hal Ehwal Dalam Negeri terletak di bangunan Sekretariat Jalan Raja, berhadapan dengan Padang Selangor. Hanya dalam tahun 1962 pejabat dipindahkan ke bangunan di Jalan Brockman (Jalan Dato' Onn). Ahli Hal Ehwal Dalam Negeri yang pertama ialah Yang

Berhormat Dato' Seri Onn bin Jaafar. Beliau menjadi Ahli bagi Hal Ehwal Dalam Negeri dan Pengerusi RIDA dari 1 April 1951 hingga bulan Julai 1955.

Dari bulan Julai 1951 hingga tahun 1955, tiga perubahan kecil telah berlaku iaitu dalam tahun 1953 Pejabat Unit Filem telah dicantumkan dengan Pejabat Penerangan, dalam tahun 1955 Pejabat Kebajikan Orang Asli diubah menjadi Pejabat Muzium, Arkib dan Penyelidikan Orang Asli, dan Ketua Pejabat ditukar dari Penasihat bagi Orang Asli kepada Pengarah Muzium dan Penasihat Orang Asli.

Berikutan dengan Pilihanraya Persekutuan yang pertama pada 27 Julai 1955 dan dengan kemenangan cemerlang Parti Perikatan, YTM Tunku Abdul Rahman Putra telah dilantik menjadi Ketua Menteri Persekutuan Tanah Melayu dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri pada 9 Ogos 1955. Ketika itu pentadbiran cara 'Sistem Ahli' telah dibubarkan dan ditukar dengan 'Sistem Menteri'. Dengan perubahan tersebut Jabatan Hal Ehwal Dalam Negeri dengan sendirinya bertukar namanya kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Pada bulan Julai 1955 Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri adalah bertanggung-jawab ke atas lima Jabatan Kerajaan dan satu Agenzia Kerajaan iaitu Jabatan Imigresen, Jabatan Penerangan, Jabatan Muzium, Arkib dan Penyelidikan Orang Asli, Jabatan Urusan Haji, Jabatan Pendaftaran dan RIDA. (Rural And Industrial Development Authority).

Pada 9 Ogos 1955 Jabatan Kemajuan Kerjasama dan RIDA telah dikeluarkan dari Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan diletakkan di bawah Kementerian Hasil Bumi yang ditubuhkan dalam tahun itu. Pada 22 Jun 1956 pula Jabatan Penjara dipindahkan dari Kementerian Pertahanan dan Keselamatan Dalam Negeri dan pada 28 Julai 1956 Jabatan Pertahanan Awam dan Jabatan Pendaftaran Penduduk diambil alih oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri daripada Kementerian Pertahanan dan Keselamatan Dalam Negeri. Pada 3 Disember 1956, Jabatan Pendaftaran Pertubuhan dipindahkan daripada Pejabat Ketua Setiausaha kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Dalam tahun 1957 beberapa perubahan telah dibuat di dalam Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri yang melibatkan beberapa Jabatan. Urusan Ekonomi (Economy Secretariat) telah ditukarkan dari Perbendaharaan ke Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan empat Jabatan lain juga ditukarkan ke Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Jabatan-jabatan ini termasuk Jabatan Pertahanan Awam (dari Kementerian Pertahanan dan Keselamatan Dalam Negeri), Jabatan Percetakan (dari Pejabat Setiausaha Kerajaan Persekutuan) dan Jabatan Perangkaan (dari Kementerian Kewangan dan Kementerian Bagi Hal Ehwal Ekonomi).

Apabila Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957, YTM Tunku Abdul Rahman Putra menjadi Perdana Menteri yang pertama. Beliau juga menjadi Menteri Pertahanan dan Keselamatan Dalam Negeri (Minister of Defence and Internal Security). Pada masa yang sama Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dimansuhkan dan digantikan dengan sebuah Kementerian yang baru dipanggil Kementerian Dalam Negeri dan Keadilan, Kementerian bertanggungjawab ke atas,

Jabatan Pendaftaran Penduduk Tetap dan Warganegara, Jabatan Pendaftaran Pertubuhan, Jabatan Perkhidmatan Penerangan, Jabatan Percetakan Kerajaan, Jabatan Penyiaran, Unit Filem, Jabatan Pesuruhjaya Kerajaan Tempatan, Jabatan Perancangan Bandar, Jabatan Undang-Undang, Jabatan Pentadbir Pesaka dan Jabatan Amanah Raya.

Pada 22 Januari 1959 beberapa Jabatan di bawah Kementerian Dalam Negeri dan Keadilan telah disusun semula menjadi Jabatan Pendaftaran Pertubuhan dan Kesatuan Sekerja, Jabatan Perkhidmatan Penerangan yang termasuk juga Unit Filem, Jabatan Penyimpan Harta Musuh, Jabatan Perancangan Bandar dan Kampong dan Jabatan Perkhidmatan Bomba.

Pada awal tahun 1959 nama Jabatan Pertahanan Awam ditukar kepada Jabatan Tentera Wataniah, manakala Pasukan Kawalan Kampung telah dikeluarkan dari Kementerian Dalam Negeri dan Keadilan. Pasukan ini diletakkan di bawah Kementerian Pertahanan. Jabatan Bomba yang dahulunya di bawah jagaan Pesuruhjaya bagi Kerajaan Tempatan menjadi sebuah Jabatan berasingan dan terus ditadbirkan di bawah Kementerian Dalam Negeri dan Keadilan. Pada 22 Januari 1959, Kementerian Dalam Negeri dipertanggungjawabkan menjaga empat belas buah Jabatan, iaitu Jabatan Pendaftaran Pertubuhan dan Kesatuan Sekerja, Jabatan Perkhidmatan Penerangan (termasuk Unit Filem), Percetakan Kerajaan, Jabatan Penyiaran, Jabatan Pendaftar Pesaka, Jabatan Amanah Raya, Jabatan Penyimpan Harta Musuh, Jabatan Persuruhjaya Kerajaan Tempatan, Jabatan Perancang Bandar dan Luar Bandar dan Jabatan Perkhidmatan Bomba.

Dalam bulan Ogos 1959, Kementerian Dalam Negeri dan Keadilan ditukar menjadi dua Kementerian yang berasingan iaitu Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Keadilan. Jabatan-jabatan di bawah tanggungjawab Kementerian Dalam Negeri ialah Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, Jabatan Kimia, Jabatan Percetakan Kerajaan, Jabatan Penjara, Jabatan Pendaftaran dan Jabatan Perancang Bandar dan Kampung. Kementerian Keadilan pula bertanggungjawab keatas pentadbiran Kehakiman, Peguam Negara dan Amanah Raya dan Penyimpan Harta Musuh.

Pada bulan Februari 1961 sebuah Kementerian baru iaitu Kementerian Keselamatan Dalam Negeri telah ditubuhkan. Jabatan-jabatan yang diletakkan di bawah tanggungjawab Kementerian baru ini ialah Jabatan Polis, Jabatan Keselamatan Sempadan, Pertubuhan atau Organisasi Kawalan Makanan, Pasukan Senoi Praak dan Jabatan Saraf.

Perubahan besar telah berlaku pada bulan Mei 1964 berikutan dengan penubuhan Malaysia yang menggabungkan Persekutuan Tanah Melayu, Singapura, Sabah dan Sarawak. Pada 16 Mei 1964 Kementerian Keselamatan Dalam Negeri dan Kementerian Dalam Negeri telah dicantum menjadi Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Bentuk organisasi Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri pada amnya berasaskan kepada bentuk organisasi Kementerian Keselamatan Dalam Negeri yang dimansuhkan. Bahagian Polis dan Ketenteraan Awam, Bahagian Keselamatan dan Perisikan, Bahagian Perang dan Bahagian Keselamatan Sempadan dipindahkan dari organisasi Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, manakala beberapa bahagian

yang lain telah dipindahkan dari organisasi Kementerian Dalam Negeri.

Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri yang ditubuhkan mengandungi tujuh Bahagian iaitu Bahagian Polis dan Ketenteraan, Bahagian Pendaftaran, Penerbitan dan Kewarganegaraan, Bahagian Darurat, Bahagian Kewangan dan Pendaftaran, Bahagian Keselamatan Kerajaan dan Bahagian Peperangan Saraf.

Jabatan-jabatan yang diletak di bawah tanggungjawab Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dalam bulan Mei 1964 ialah Jabatan Polis (termasuk Jabatan Polis Singapura, Sabah dan Sarawak), Jabatan Penjara (termasuk Jabatan Penjara Singapura, Sabah dan Sarawak), Jabatan Imigresen (termasuk Jabatan Imigresen Singapura, Sabah dan Sarawak), Jabatan Pendaftaran (termasuk Jabatan Pendaftaran Singapura, Sabah dan Sarawak), Jabatan Orang Asli, Pejabat Pendaftaran Pertubuhan, Jabatan Percetakan Kerajaan (termasuk Jabatan Percetakan Kerajaan Sarawak), Jabatan Pesuruhjaya Ibukota Persekutuan, Jabatan Kawalan Haji dan Jabatan Kimia (termasuk Jabatan Kimia Sarawak). Agensi-agensi lain yang juga diletak di bawah tanggungjawab Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri ialah Badan Pencegah Rasuah, Lembaga Penapisan Filem, Pasukan Kawalan dan Pasukan Senoi Praak.

Pada 9 Ogos 1965 Singapura telah berpisah dari Malaysia. Berikutan dengan peristiwi itu semua urusan mengenai Polis, Imigresen, Penjara dan Pendaftaran Negara yang berkaitan dengan Singapura yang berada di bawah tanggungjawab Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri telah diserahkan kepada Pemerintah Republik Singapura. Penyerahan tugas selesai pada pertengahan tahun 1966. Pada 18 Februari 1965 Jabatan Kawalan Jemaah Haji dipindahkan kepada tanggungjawab Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, manakala Jabatan Pesuruhjaya Ibukota Persekutuan pula dipindahkan kepada Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Pada 29 Mei 1968 Jabatan Penjara, Jabatan Percetakan Kerajaan dan Jabatan Kimia dipindahkan dari Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri kepada Kementerian Keadilan, manakala Jabatan Perangsaraf dipindahkan ke Jabatan Perdana Menteri.

Pada tahun 1969 Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bertanggungjawab terhadap empat Jabatan iaitu Jabatan Polis Di Raja Malaysia termasuk Senoi Praak (Pasukan Polis Orang-orang Asli), Jabatan Imigresen, Jabatan Pendaftaran Negara dan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan. Kementerian juga bertanggungjawab mentadbir Badan Pencegah Rasuah, Lembaga Penapisan Filem, Jawatankuasa Gerakan Sempadan, Jawatankuasa Kerja Keselamatan di Negeri Sarawak dan Jawatankuasa Kerja Keselamatan Negeri Sabah dan Pasukan Kawalan Sabah. Dalam tahun yang sama Jabatan Percetakan Kerajaan, Jabatan Penjara dan Jabatan Kimia dipindahkan dari Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri ke Kementerian Keadilan.

Dalam tahun 1970 telah berlaku beberapa perubahan penting. Jabatan Penjara yang berada di bawah jagaan Kementerian Keadilan diletak kembali di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Berikutan dengan peristiwa 13 Mei 1969, Pasukan Kawalan telah ditubuhkan semula dan ditadbirkan oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Di dalam penyusunan semula tanggungjawab Kementerian-kementerian yang

dibuat pada 13 Januari 1971, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri diberi tanggungjawab keatas Jabatan Polis, Jabatan Imigresen, Jabatan Pendaftaran Pertubuhan, Jabatan Pendaftaran Warganegara, Badan Pencegah Rasuah, Penapisan Filem, Jabatan Kawalan Penerbitan, Jabatan Penjara, Jabatan Percetakan Kerajaan dan Pertahanan Awam.

Dalam tahun 1971 nama Jabatan Pesuruhjaya Pendaftaran Negara dan Warganegara diubah menjadi Jabatan Pendaftaran Negara dan terus kekal di bawah jagaan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri yang juga bertanggungjawab terhadap Jawatankuasa Kerja Keselamatan disetiap negeri di Semenanjung Malaysia. Di samping itu bidang tugas Jabatan Tapisan Filem diperluaskan untuk meliputi tapisan penerbitan. Berikutnya dengan perubahan ini nama Jabatan diubah kepada Jabatan Tapisan Filem dan Penerbitan. Pada 3 Julai 1973 nama Pasukan Kawalan diubah menjadi Ikatan Relawan Rakyat.

Dalam tahun 1974 Badan Pencegah Rasuah dipindahkan dari Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan diletak di bawah Jabatan Perdana Menteri manakala Peperangan Saraf dipindahkan ke Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Pada 16 Jun 1975 Jabatan Hal Ehwal Orang Asli berpindah dari Kementerian Pembangunan dan Ekonomi Desa ke Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Dalam tahun 1977 Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bertanggungjawab terhadap lapan jabatan dan agensi Kerajaan iaitu Jabatan Polis Di Raja Malaysia, Jabatan Imigresen, Jabatan Pendaftaran Pertubuhan, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, Jabatan Peperangan Saraf dan Ikatan Relawan Rakyat Malaysia atau RELA.

Pada 7 Ogos 1979 sebuah lagi jabatan diletakkan di bawah tanggungjawab Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri iaitu Pusat Biro Narkotik yang dahulunya di bawah jagaan Kementerian Undang-undang. Pada tahun 1980 sebuah Urusetia dibentuk bagi melincinkan pentadbiran Pusat Biro Narkotik dan Urusetia ini menjadi salah satu bahagian dalam Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Urusetia Narkotik kemudian dikenali sebagai Urusetia Dadah yang berfungsi sebagai Urusetia kepada Unit bertindak Eksekutif. Perkembangan terakhir dalam Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri berlaku pada akhir tahun 1981 dengan penubuhan Bahagian Pemulihan dan Geraksaraf.

Pada pertengahan tahun 1982 nama Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri ditukar kepada Kementerian Dalam Negeri. Dalam usianya lebih dari suku abad, Kementerian ini telah berkembang dengan pesat sehingga menjadi sebuah Kementerian yang penting dan bertanggungjawab menjaga keselamatan serta ketenteraman negara daripada ancaman anasir-anasir dalam negeri. Jabatan-jabatan yang berada di bawah tanggungjawab Kementerian adalah seperti berikut:

1. Jabatan Polis Di Raja Malaysia
2. Jabatan Pendaftaran Negara
3. Jabatan Penjara
4. Jabatan Hal Ehwal Orang Asli

5. Jabatan Pendaftaran Pertubuhan
6. Jabatan Percetakan Negara
7. Jabatan Pertahanan Awam
8. Ikatan Relawan Rakyat (RELA)

Tujuan utama Kementerian Dalam Negeri adalah untuk memelihara dan mengekalkan ketenteraman, kesejahteraan dan keselamatan negara daripada ancaman dalam negeri. Untuk mencapai objektif tersebut Kementerian Dalam Negeri dibahagikan kepada beberapa bahagian iaitu:

1. Bahagian Hal Ehwal Polis
2. Bahagian Hal Ehwal Keselamatan Dalam Negeri, Pertubuhan, Penjara dan Percetakan
3. Bahagian Pentadbiran dan Kewangan
4. Bahagian Pendaftaran, Imigresen Kawalan, Penerbitan dan Tapisan Filem/Video
5. Bahagian Perkara-perkara Darurat
6. Bahagian Bekalan, Kewangan dan Pembangunan Polis
7. Bahagian Kawalan dan Pemulihan Dadah
8. Pemulihan dan Gerak Saraf
9. Bahagian Akauntan Kanan
10. Bahagian Peperangan Saraf

### **BAHAGIAN HAL EHWAL POLIS**

Bahagian ini dikenali dengan Bahagian 'A' dan bertanggungjawab mengurus hal ehwal polis termasuk perkara-perkara berkaitan dengan jenayah dan ketenteraman awam, Suruhanjaya Pasukan Polis, Perlesenan Agensi Keselamatan Persendirian, Hal Ehwal Bekas-bekas Polis serta perkara-perkara am seperti senjata api dan bahan letupan. Jabatan yang di bawah tanggungjawab Bahagian ini ialah Jabatan Polis, Cawangan Jenayah dan Cawangan Anti Dadah.

### **BAHAGIAN HAL EHWAL KESELAMATAN DALAM NEGERI**

Bahagian ini dikenali sebagai bahagian 'B' dan bertanggungjawab untuk mengawal hal ehwal yang berkaitan dengan keselamatan dalam negeri. Tugas-tugas yang dikendalikan oleh Bahagian ini meliputi perkara-perkara mengenai Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960, tapisan keselamatan, pentadbiran Jabatan Pendaftaran Pertuduhan, pentadbiran Jabatan Percetakan Negara dan Lembaga Pemulihan Tahanan. Jabatan-jabatan di bawah tanggungjawab bahagian ini ialah Jabatan Penjara, Jabatan Percetakan Negara dan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan.

### **BAHAGIAN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN**

Bahagian Pentadbiran dan Kewangan atau Bahagian 'C' bertujuan untuk memberi

khidmat sokongan dalam bidang kewangan, pentadbiran, perjawatan, perkhidmatan Parlimen, keselamatan pejabat/kementerian, pendaftaran terbuka, pendaftaran rahsia dan perpustakaan.

### **BAHAGIAN PENDAFTARAN, IMIGRESEN, KAWALAN PENERBITAN DAN TAPISAN FILEM VIDEO.**

Bahagian 'D' ini menguruskan hal-hal yang berkaitan dengan kewarganegaraan, imigresen, kawalan penerbitan, tapisan filem dan pita video. Ia juga menyelenggarakan perkara-perkara dasar mengenai kawalan imigresen seperti rayuan permohonan taraf penduduk tetap, kawalan kemasukan mualih agama asing, kewarganegaraan dalam perdagangan dan perindustrian, rayuan permohonan kewarganegaraan, kawalan penerbitan dan tapisan filem pita video seperti pengeluaran permit KDN, lesen cetak di bawah Akta Mesin Cetak 1984, penapisan filem di bawah Akta Filem Wayang Gambar 1952 dan juga kawalan kemasukan artis-artis dari luar negeri. Jabatan-jabatan di bawah pengawasan Bahagian ini ialah, Jabatan Imigresen dan Jabatan Pendaftaran Negara.

### **BAHAGIAN PERKARA-PERKARA DARURAT (E)**

Matlamat Bahagian 'E' adalah untuk menjamin kesejahteraan dan keselamatan negara. Bahagian ini menguruskan hal-hal mengenai keselamatan negeri-negeri di dalam Malaysia yang dikendalikan oleh Urusetia Jawatankuasa Kerja Keselamatan Negeri/Wilayah dan Jabatan-jabatan di bawah Kementerian. Keselamatan dan pembangunan di kawasan sempadan adalah tugas Urusetia kepada usaha-usaha kerjasama sempadan di antara Malaysia, Thailand dan Indonesia melalui Jawatankuasa Am Sempadan (General Border Committee). Jabatan-jabatan dan Jawatankuasa di bawah tanggungjawab Bahagian ini ialah Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, Ikatan Relawan Rakyat (RELA), Jabatan Pertahanan Awam, Pejabat Jawatankuasa Wilayah Sempadan (RBCO di Songkhla, Selatan Thailand) dan Jawatankuasa Keselamatan Negeri-negeri/Wilayah/Daerah-daerah dan RASCOM di Sarawak.

### **BAHAGIAN BEKALAN KEWANGAN DAN PEMBANGUNAN POLIS (F)**

Bahagian ini bertanggungjawab untuk menentukan Pasukan (Jabatan) Polis Di Raja Malaysia mendapat bekalan dan peruntukan kewangan yang cukup bagi menjalankan tanggungjawab dan juga menentukan rancangan-rancangan pembangunan Jabatan Polis Di Raja Malaysia berjalan lancar dan sempurna. Tugas-tugas bahagian ini termasuk merancang dan melaksanakan sistem pentadbiran kewangan Jabatan Polis Di Raja Malaysia, mengurus pembelian dan pembekalan semua alat kelengkapan yang diperlukan, mengurus semua rancangan pembangunan Jabatan Polis Di Raja Malaysia dan menguruskan pemeriksaan audit berhubung dengan pengurusan kewangan dan bekalan Jabatan Polis Di Raja Malaysia.

### **BAHAGIAN KAWALAN DAN PEMULIHAN DADAH (G)**

Bahagian ini merupakan Urusetia Dadah dan Unit bertindak Eksekutif. Tugas-tugas Bahagian ialah menyediakan kertas-kertas Mesyuarat Unit Bertindak Eksekutif, menentukan perlaksanaan keputusan-keputusan Unit Bertindak Eksekutif, menyelaras pengkajian/penyelidikan dalam bidang atau masalah yang berkaitan dengan

penyalahgunaan dadah, mengkaji dan menganalisa hasil perlaksanaan rancangan-rancangan dan mengendalikan hubungan dengan agensi-agensi antarabangsa di dalam negeri.

### **BAHAGIAN PEMULIHAN DAN GERAK SARAF**

Tugas Bahagian ialah menentukan supaya semua program atau rancangan pemulihan orang-orang tahanan keselamatan seperti golongan anti nasional dan golongan yang berorientasikan ke Moscow, Peking dan sebagainya dilaksanakan dengan berkesan. Bahagian ini juga bertanggungjawab memberi khidmat Urusetia kepada Jawatankuasa Perancang Pemulihan dan Penilaian dan Jawatankuasa Penilaian, Penempatan dan Kebajikan yang terletak di Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, mengordinasikan aktiviti-aktiviti gerak saraf dan membantu semua Bahagian yang berkaitan dalam membentuk geraksaraf dan perang saraf. Bahagian ini mengandungi enam unit iaitu Unit Perhubungan Awam, Unit Hal Ehwal Agama, Unit Ideologi, Unit Gerak Saraf, Unit Jenayah dan Unit Pemulihan. Agensi-agensi yang terlibat dengan Bahagian ini ialah Jabatan Polis, Kementerian Kebajikan Am dan Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan.

### **BAHAGIAN AKAUNTAN KANAN PERBENDAHARAAN**

Bahagian ini bertanggungjawab untuk mengwujudkan satu sistem perakaunan yang sempurna dan berkesan. Di antara tugas-tugas Bahagian ini ialah menyelenggarakan penyimpanan akaun-akaun transeksi kewangan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan jabatan-jabatan di bawahnya; mengatur semakan dan kawalan dalam sistem akaun; dan mengadakan 'periodic review' terhadap sistem akaun supaya berjalan dengan lebih kemas dan lancar.

### **BAHAGIAN PEPERANGAN SARAF**

Bahagian ini bertanggungjawab untuk mengawal siaran-siaran radio sulit Parti Komunis Malaya iaitu Suara Revolusi Malaya, Suara Rakyat Malaya, Siaran Radio 'Beijing Weekly' dan lain-lain penerbitan dari Beijing. Bahagian ini juga turut membantu Bahagian Gerak Saraf Cawangan Polis Di Raja Malaysia dalam pengeluaran bahan-bahan perangsaraf.

## **JABATAN HAL EHWAL ORANG ASLI**

Jabatan Hal Ehwal Orang Asli wujud di bawah 'Member System' dan diletak di bawah bidang kuasa Ahli bagi Hal Ehwal Dalam Negeri. Pada tahun 1955 selepas Pilihanraya, Jabatan ini ditadbirkan dibawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Pada tahun 1957 Jabatan ini telah ditukar ke Kementerian Pelajaran dan dalam bulan Ogos 1959 Jabatan kembali berada dibawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Pada tahun 1963 Jabatan ini ditukar ke Kementerian Tanah dan Galian dan pada awal 1970'an ditadbirkan pula oleh Kementerian Pertanian dan Tanah. Pada tahun 1973/74 sekali lagi Jabatan ini dipindah ke Kementerian Pembangunan Negara dan Luarbandar. Dari tahun 1975 hingga 1982 Jabatan terus kekal dibawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

### **Objektif Jabatan**

Objektif Jabatan ialah bagi meresapkan Orang Asli ke dalam aliran kehidupan nasional melalui program pembangunan, pentadbiran dan kebijakan, meninggikan taraf hidup mereka serta menjamin keselamatan Orang Asli dari anasir-anasir yang membahayakan keselamatan negara.

### **Fungsi Jabatan**

Di antara fungsi-fungsi Jabatan adalah seperti berikut:-

1. Mengendalikan hal-hal tanah, pendaftaran, perlantikan ketua-ketua Orang Asli dan kehendak-kehendak sosial Orang Asli;
2. Merancang dan melaksanakan program-program berhubung dengan persekolahan dan pelajaran di kalangan kanak-kanak/belia-belia Orang Asli;
3. Meninggikan mutu kesihatan Orang-orang Asli setaraf dengan masyarakat nasional dan membantu aktiviti lain untuk mempercepatkan proses integrasi;
4. Melaksanakan projek-projek ekonomi dan sosial; dan
5. Menjalankan penyelidikan dan perancangan kearah menyatupadukan masyarakat Orang Asli dengan masyarakat nasional.

### **Organisasi Jabatan**

Untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti Jabatan bahagian-bahagian berikut telah diwujudkan:

1. Bahagian Pentadbiran dan Kewangan
2. Bahagian Pelajaran
3. Bahagian Perubatan dan Kesihatan
4. Bahagian Ekonomi
5. Bahagian Penyelidikan dan Perancangan
6. Bahagian Perhubungan dan Galakan

## **BAHAGIAN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN**

Bahagian ini bertanggungjawab menyelaras tenaga kerja di peringkat Bahagian dan Cawangan-cawangan; merancang dan melaksanakan rancangan-rancangan pembangunan sosial, ekonomi; menguruskan hal-hal kakitangan di peringkat ibu pejabat dan negeri; dan menjaga pos-pos pentadbiran di kawasan pendalaman seperti di Perak, Kelantan dan Pahang.

## **BAHAGIAN PELAJARAN**

Bahagian ini bertanggungjawab menguruskan aktiviti-aktiviti yang memberi sumbangan kepada kemajuan pelajaran masyarakat Orang Asli. Di antara aktiviti-aktiviti Bahagian ini adalah bertujuan menggalakkan lebih ramai kanak-kanak Orang Asli belajar di sekolah-sekolah, meninggikan taraf pelajaran di kalangan Orang Asli, mengurangkan keciran di kalangan pelajar-pelajar Orang Asli, serta menyediakan kemudahan peralatan, asrama dan guru yang terlatih untuk memberi pendidikan yang sempurna kepada Orang Asli.

## **BAHAGIAN PERUBATAN DAN KESIHATAN**

Bahagian ini bertanggungjawab mengadakan perkhidmatan perubatan kepada masyarakat Orang Asli terutamanya yang tinggal di kawasan pendalaman dan pinggir hutan. Kemudahan perubatan ini termasuklah menyediakan sebuah hospital dan pos-pos pemindahan. Bahagian ini juga membantu mengendalikan beberapa tugas bagi pihak Kementerian Kesihatan seperti menjalankan kempen-kempen membasmi malaria dan Perkhidmatan Doktor Terbang yang dijalankan dengan kerjasama Tentera Udara Di Raja Malaysia.

## **BAHAGIAN EKONOMI**

Tugas-tugas Bahagian Ekonomi ini dibahagikan kepada dua tujuan iaitu, pertama tugas-tugas yang memberi hasil kebendaan (secara langsung) dan kedua ialah tugas-tugas yang membawa hasil kebendaan (secara tidak langsung). Tugas-tugas yang membawa hasil kebendaan meliputi merancang dan melaksana pembinaan "contoh penempatan" untuk memberi kemudahan perumahan yang teratur kepada masyarakat Orang Asli, membina bangunan-bangunan seperti Dewan Orang Ramai, rumah kakitangan, sekolah, asrama, pos-pos pentadbiran dan perubatan serta lain-lain kemudahan yang berkaitan; menyelenggara dan menjayakan rancangan pertanian; dan memberi penerangan mengenai rancangan ternakan kepada masyarakat Orang Asli.

Tugas-tugas yang memberi hasil secara tidak langsung termasuk bertugas sebagai pelapor perubahan masyarakat; memberi penerangan mengenai perubahan pelajaran informal yang tertentu; memberi pimpinan dan bimbingan dalam bidang tertentu yang diperlukan oleh masyarakat Orang Asli serta menyemangati 'semangat baru' berlandaskan budaya dan adat resam masyarakat Orang Asli. Rancangan-rancangan dan aktiviti-aktiviti yang diuruskan oleh bahagian ini diselanggarakan atas dasar gotong royong dan penyertaan sepenuhnya oleh masyarakat Orang Asli.

## **BAHAGIAN PENYELIDIKAN DAN PERANCANGAN**

Tugas dan aktiviti Bahagian ini ialah menjalankan projek penyelidikan dalam bidang pelajaran, kesihatan, ekonomi dan sains kemasyarakatan yang berkaitan dengan penduduk Orang Asli. Bahagian ini menyediakan juga bahan-bahan seperti buku, filem, gambar, makalah dalam semua bidang, mengumpul alat-alat kesenian Orang Asli untuk dijadikan sebagai bahan perpustakaan Jabatan; mengkaji dan membuat penilaian dalam aspek pentadbiran dan rancangan pembangunan yang dikendalikan oleh Jabatan; serta mengadakan program-program latihan untuk kakitangan Jabatan.

## **BAHAGIAN PERHUBUNGAN DAN GALAKAN**

Bahagian ini bertanggungjawab mengwujudkan perhubungan rapat di antara pos-pos pentadbiran dan perubatan di kawasan-kawasan pedalaman. Bahagian ini amat penting apabila berlaku bencana alam seperti banjir. Aktiviti-aktiviti Bahagian termasuk mengawal semua kenderaan dan bot-bot Jabatan, menyediakan bekalan am dan perubatan, mencatat jumlah kakitangan dan kanak-kanak sekolah yang menaiki kenderaan-kenderaan jalanraya, bot dan pengangkutan udara Tentera Udara Di Raja Malaysia. Jabatan ini juga bertindak sebagai pengawas Pusat Kawalan di Gombak yang menjadi pusat bagi keseluruhan Jabatan.

## **BAHAGIAN LATIHAN**

Bahagian ini diwujudkan pada tahun 1979. Matlamat Bahagian ialah untuk:

1. Melantik pegawai dan kakitangan Jabatan supaya dapat meninggikan taraf dan mutu pengetahuan, kebolehan dan kecekapan mereka untuk menghasilkan prestasi kerja yang tinggi; dan
2. Melatih belia dan beliawanis Orang-orang Asli di dalam pertanian, ternakan, perikanan, vokasional, perniagaan, kraftangan dan perusahaan.

Untuk melaksanakan projek-projek yang dirancangkan Bahagian ini telah menyusun dengan rapi jentera pentadbirannya. Program-program latihan yang dirancangkan bertujuan untuk memberi latihan dan bimbingan kepada peserta-peserta yang terdiri daripada kumpulan kakitangan Jabatan, kumpulan Orang Asli dan kumpulan kakitangan dari Jabatan-jabatan lain.

## **BAHAGIAN PENGUMPULAN SEMULA**

Bahagian ini menguruskan rancangan penempatan semula masyarakat Orang Asli dan bertanggungjawab memberi penerangan kepada keluarga-keluarga yang telah memasuki rancangan tersebut. Cara ini adalah untuk mengatasi masalah yang dihadapi dalam melaksanakan rancangan penempatan semula keluarga-keluarga Orang Asli.

## **IKATAN RELAWAN RAKYAT MALAYSIA (RELA)**

Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (RELA) adalah satu pertubuhan yang bercorak sukarela untuk membantu pasukan keselamatan dalam gerakan menentang musuh-musuh negara dari dalam dan luar negeri. Ikatan Relawan Rakyat telah ditubuhkan pada 3 Julai 1972 di bawah Akta Kuasa-kuasa Perlu Darurat 1962 dan 1964 dan Peraturan-peraturan Perlu (pasukan kawalan), Penubuhan Nama dan Pindaan 1974.

Asas wujudnya RELA bermula sejak tahun 1948, apabila Pertubuhan Kawalan Kampung atau 'Home Guard' dibentuk semasa darurat pertama berlaku di Persekutuan Tanah Melayu. Pembentukan 'Home Guard' adalah dibawah Ordinan Darurat 1948. Pentadbiran 'Home Guard' pada ketika itu dibahagikan kepada tiga Bahagian iaitu Bahagian Operasi (Tugas Aml), Bahagian Operasi Kampung Baru dan Pasukan Kawalan Jenayah, perisikan, gerak saraf, taktik dan ideologi musuh dan maklum balas. RELA juga berperanan mempelupuri kerja-kerja kebajikan semasa bencana alam seperti banjir dan kebakaran serta perkara-perkara yang memerlukan kebajikan kampung. Begitu juga dalam bidang ekonomi, RELA mencebur diri dalam rancangan-rancangan pembangunan, kemajuan dan keselamatan kampung serta mengambil bahagian dalam projek ekonomi dan sosial secara per-sorangan, perkongsian dan koperasi untuk mencapai matlamat berdikari.

### **Tugas-tugas RELA**

Tugas-tugas RELA terbahagi kepada tugas-tugas semasa aman dan tugas-tugas semasa darurat. Tugas-tugas semasa aman ialah:

1. Sebagai mata dan telinga Kerajaan seperti yang diperuntukan dalam Seksyen 8, Peraturan-peraturan RELA;
2. Memberi bantuan kepada polis apabila diperlukan;
3. Menjaga dan menentukan keselamatan dan ketenteraman kawasan-kawasan;
4. Membantu pasukan keselamatan meronda dan mengawal kawasan-kawasan pantai daripada penyeludupan; dan
5. Membantu agensi-agensi Kerajaan mengawal pusat-pusat yang ditubuhkan oleh Kerajaan.

### **Tugas-tugas RELA semasa darurat meliputi:-**

1. Membantu pasukan keselamatan dari sudut perisikan atas kegiatan-kegiatan musuh ataupun melaksanakan tugas sebagai pengintip;
2. Membantu pasukan keselamatan di peringkat daerah dalam bentuk operasi dan membentuk kawalan keselamatan yang terdiri dari penduduk-penduduk tempatan;
3. Membantu pasukan keselamatan khususnya pasukan Polis Di Raja Malaysia menjaga Balai/Pondok Polis dalam sebarang keadaan;
4. Membantu pasukan keselamatan khususnya Polis Di Raja Malaysia membuat

- kawalan di pusat-pusat penting atau pangkalan-pangkalan penting yang ditentukan dari masa kemasa;
5. Membantu pasukan keselamatan khususnya Polis Di Raja Malaysia dalam melaksanakan tugas-tugas am.
  6. Memberi pertolongan cemas kepada agensi-agensi Kerajaan yang dipertanggungjawabkan dalam tugas-tugas tersebut; dan
  7. Menubuhkan pangkalan-pangkalan gerila serta menganggotai pangkalan-pangkalan tersebut untuk membolehkan mereka melancarkan serangan terhadap kegiatan-kegiatan dan pangkalan-pangkalan penting pihak musuh.

### **Organisasi Jabatan**

Ikatan Relawan Rakyat (RELA) Malaysia ditadbir oleh sebuah Jabatan di bawah Kementerian Dalam Negeri dan dikenali sebagai Jabatan RELA Malaysia. Pentadbiran RELA di peringkat Ibu Pejabat dikendalikan oleh Pegawai-pegawai Kanan Polis dan pegawai-pegawai dari Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik. Mereka diketuai oleh seorang Ketua Pengarah yang bertanggungjawab secara langsung kepada Ketua Setiausaha Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Jabatan Relawan Rakyat terbahagi kepada tiga peringkat pentadbiran iaitu Persekutuan Negeri, Ibu Pejabat dan Daerah termasuk bagi Negeri Sabah dan Sarawak. Pentadbiran di peringkat Negeri diketuai oleh seorang Pegawai Daerah. Ibu Pejabat RELA terbahagi kepada empat bahagian iaitu:-

1. Bahagian Perkhidmatan
2. Bahagian Pentadbiran
3. Bahagian Latihan/Lojistik
4. Bahagian Penerangan

### **BAHAGIAN PERKHIDMATAN**

Bahagian ini bertanggungjawab merancang, menyelaras dan melaksanakan segala dasar mengenai pembangunan dan kemajuan pasukan dan ahli-ahli RELA. Ia juga merancang aktiviti-aktiviti RELA yang bercorak bukan gerakan (non-operational), kebijakan kemasyarakatan dan amal diperingkat negeri, mengurus dan menyelaras kebijakan ahli RELA, pengambilan ahli, pembaharuan tempoh dan keahlian, penubuhan unit, pemansuhan dan pencantuman unit dan disiplin ahli.

### **BAHAGIAN PENTADBIRAN**

Bahagian ini bertanggungjawab menguruskan perkara-perkara yang berkaitan dengan pentadbiran dan kewangan RELA. Segala urusan perkhidmatan semua kakitangan Jabatan RELA dikelolakan oleh Bahagian ini termasuk perlantikan dan pengesahan jawatan, kenaikan pangkat, kenaikan gaji dan elau-elauan, cuti, peraturan-peraturan tatatertib serta perlanjutan dan penamatkan tempoh.

## **BAHAGIAN LATIHAN/LOJISTIK**

Bahagian ini berfungsi membantu merancang, menyelaras dan menguruskan segala aspek program latihan pasukan RELA Malaysia seperti dasar latihan, pembangunan kurikulum, pentadbiran pusat latihan, penyelaras dengan lain-lain agensi yang terlibat dan juga menguruskan kelengkapan latihan di pusat-pusat latihan. Ia juga bertanggungjawab menyelaras dan melaksanakan rancangan pembangunan unit-unit Relawati di seluruh negara.

## **BAHAGIAN PENERANGAN**

Bahagian ini bertanggungjawab memastikan perhubungan diantara Jabatan dan orang ramai sentiasa terpelihara. Bahagian ini juga merancang dan menyelaras usaha-usaha menyebar maklumat mengenai kegiatan-kegiatan pasukan RELA Malaysia menerusi siaran akhbar, radio dan televisyen. Bahagian ini juga terlibat dalam perlaksanaan kegiatan geraksaraf/perangsaraf yang dijalankan melalui Program Kursus Sivik RELA. Ceramah dan penerangan diberi kepada ahli-ahli RELA dari masa kemasa melalui program-program latihan.

## **JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA**

Pewujudan Jabatan Imigresen bermula dengan penubuhan agensi Kawalan Imigresen pada 1 Januari 1933. Penubuhan Jabatan ini adalah disebabkan bertambahnya bilangan kemasukan orang-orang asing ke negara ini sebelum Perang Dunia Kedua dan untuk mengatasi masalah-masalah yang timbul. Langkah-langkah tertentu telah diambil dan undang-undang berikut telah dikuatkuasakan.

1. The Aliens Enactment
2. The Passenger Restriction Enactment
3. The Aliens Immigration Enactment

Fungsi-fungsi Jabatan Imigresen ketika itu dijalankan bersama oleh Jabatan Polis, Jabatan Buruh dan Jabatan Hal Ehwal Orang China. Sebelum tahun 1947 setiap negeri di Semenanjung Malaysia mempunyai enakmen tersendiri. Pada tahun 1946 agensi Kawalan Imigresen untuk Singapura dan Semenanjung Malaysia telah diasingkan bagi kedua-dua wilayah ini tetapi kerja-kerja mengawasi terus dijalankan bersama.

Jabatan Imigresen mula ditubuhkan pada tahun 1947 dan beribu pejabat di Pulau Pinang. Cawangan-cawangan telah ditubuhkan di Johor Bahru, Ipoh, Kedah/Perlis, Kota Bharu, Melaka serta Pos-pos Imigresen di Padang Besar, Kroh, Rantau Panjang dan Port Swettenham.

Untuk memperkemaskan pentadbiran imigresen beberapa undang-undang darurat telah diwujudkan selepas Perjanjian Persekutuan 1948 iaitu:-

1. The Enactment (Travel Restriction) Regulation 1948
2. The Emergency (Entry by Land From Thailand) Regulation 1949
3. Passport Ordinance 1949
4. Passport Regulations 1949

Pada 1 Ogos 1953 undang-undang baru 'The Immigration Ordinance 1952' telah dikuatkuasakan bagi membuat kawalan keselamatan lebih sempurna. Selepas keperluan Undang-undang Imigresen telah dikemaskinikan bagi menyesuaikan dengan perubahan corak pentadbiran negara iaitu dengan sistem kawalan imigresen yang baru. 'The Immigration Ordinance 1952' telah dimansuhkan dan digantikan dengan 'The Immigration Ordinance 1960' yang dikuatkuasakan pada 1 Mei 1959. Setelah penubuhan Malaysia pada tahun 1963 Undang-undang Imigresen (Transitional Provision Act 1963) diwujudkan bagi memelihara kepentingan-kepentingan negeri Sabah dan Sarawak. Dalam tahun 1974 dan 1975, semua undang-undang Imigresen dan Pasport telah disemak semula dan disatukan menjadi 'The Immigration Act, 1959/63 (Act No. 155) and the Passport Act 1966 (Act No. 150)' dan dikuatkuasakan di Malaysia. Pada tahun 1964 hingga kini Jabatan Imigresen diletakkan di bawah Kementerian Dalam Negeri. Sebelum tahun 1964 Jabatan terletak di

bawah Kementerian Luar Negeri. Ibu Pejabat Imigresen telah dipindahkan dari Pulau Pinang ke Kuala Lumpur pada tahun 1964 dan ditempatkan di Jalan Tugu. Pada bulan September 1981 Jabatan telah berpindah ke Jalan Pantai Baru, Kuala Lumpur.

### **Objektif Jabatan**

1. Untuk mengawal kemasukan orang-orang dari luar negeri dan mengeluarkan dokumen perjalanan kepada warganegara Malaysia bersetujuan dengan kepentingan negara dalam bidang ekonomi, sosial dan keselamatan;
2. Untuk menjamin serta membantu kepentingan ketenteraman awam dan keselamatan negara;
3. Menjaga keselamatan negara dan mencegah kemasukan orang-orang yang merbahaya dan tidak diingini;
4. Menentukan bahawa orang-orang asing yang dibenarkan masuk ke negara ini tidak akan merebut peluang warganegara-warganegara dalam bidang pekerjaan, perusahaan dan perniagaan; dan
5. Menentukan bahawa orang asing tidak masuk tanpa kawalan dan peraturan yang sesuai bagi mencegah mereka daripada menggunakan kemudahan sosial di negara ini secara bebas.

### **Fungsi Jabatan**

1. Mengawal dan mencegah kemasukan orang-orang ke Malaysia selaras dengan perbekalan akta-akta berikut:
  1. Akta Imigresen 1959/63 (Akta 155)
  2. Akta Pasport 1966 (Akta 150)
2. Untuk mengeluarkan pasport kepada warganegara Malaysia dan dokumen perjalanan kepada mereka yang bukan warganegara tetapi telah dibenarkan bermastautin di negara ini oleh kerana sesuatu sebab tidak boleh mendapatkan pasport kebangsaan.

### **Organisasi Jabatan**

Pentadbiran Jabatan Imigresen di Ibu Pejabat di Kuala Lumpur dibahagikan kepada bahagian-bahagian berikut:-

1. Bahagian Pengurusan,
2. Bahagian Keselamatan, Kawalan dan Penguatkuasa
3. Bahagian Penyelidikan, Pembangunan dan Latihan
4. Bahagian Pas, Visa dan Kewarganegaraan.

### **BAHAGIAN PENGURUSAN**

Bahagian ini bertanggungjawab untuk mengurus, menyelaras pentadbiran Jabatan

keseluruhannya. Aktiviti-aktiviti jabatan meliputi pengurusan kakitangan, syarat-syarat perkhidmatan, kelakuan dan tatatertib, kewarganegaraan, belanjawan dan pembekalan.

Bahagian ini juga bertanggungjawab dalam menjalankan pengawalan dan pengawasan mengenai arahan di bawah Perintah-perintah Am. Perbendaharaan serta arahan yang dikeluarkan dari masa ke masa. Satu jawatankuasa Pengawasan Tatatertib ditubuhkan untuk membantu dalam melaksanakan tugas-tugas Bahagian.

### **BAHAGIAN KESELAMATAN, KAWALAN DAN PENGUATKUASA**

Bahagian ini bertanggungjawab keatas semua aktiviti yang berkaitan dengan kawalan kemasukan orang-orang asing dan perjalanan keluar warganegara-warganegara dan penduduk-penduduk tetap di negara ini. Kawalan ini adalah bagi menentukan orang-orang yang tidak diingini tidak masuk ke negara ini. Dalam hal ini semua jenis dokumen Imigresen seperti pas lawatan, permit-permit masuk, permit masuk semula dan sijil perakuan taraf, pasport serta lain-lain jenis dokumen perjalanan yang ada kemajuan adalah dirujuk ke Bahagian ini. Bahagian ini juga bertanggungjawab dalam pengesahan tahanan, tangkapan, dakwaan dan pengusiran orang-orang yang tidak diingini di bawah undang-undang Imigresen. Bahagian ini juga mempunyai kuasa keatas imigresen seberang laut, unit pengedaran dan penguatkuasa sempadan dan Pasukan Petugas VII. Bahagian juga menyelenggarakan senarai-senarai yang mengandungi nama-nama orang yang perjalannya perlu dikawal. Senarai-senarai ini disediakan oleh Jabatan Polis, Jabatan Kastam, Jabatan Hasil Dalam Negeri, Interpol dan Jabatan Imigresen sendiri.

### **BAHAGIAN PEMBANGUNAN, PENYELIDIKAN DAN LATIHAN**

Bahagian ini bertanggungjawab keatas projek-projek pembangunan Jabatan. Dari segi penyelidikan, Bahagian ini bertanggungjawab untuk mengkaji dan menyemak sistem peraturan kerja, dasar-dasar serta mengumpul maklumat-maklumat yang berkaitan dengan tugas-tugas Jabatan. Ia juga mengadakan kursus-kursus tertentu bagi meningkatkan kemahiran kerja pegawai dan kakitangan. Pegawai-pegawai Imigresen dari Brunei turut juga dilatih di Bahagian ini.

### **BAHAGIAN PAS, VISA DAN KEWARGANEGARAAN**

Bahagian ini bertanggungjawab keatas semua visa dan semua jenis pas. Warganegara yang memerlukan visa untuk masuk ke Malaysia adalah warganegara-warganegara dari Republik Rakyat China, Cuba, Albania, German Timur, Korea Utara, Israel, Vietnam, Kembuja dan Afrika Selatan. Pas-pas diberi kepada pelawat ke negeri ini mengikut tujuan lawatan dan boleh memohon untuk dilanjutkan. Warganegara Komanwel, warganegara-warganegara yang mempunyai perjanjian penghapusan visa dengan Malaysia dan pelancung-pelancung yang membuat lawatan singkat tidak memerlukan visa untuk masuk ke Malaysia.

## JABATAN PENDAFTARAN NEGARA

Jabatan Pendaftaran Negara ditubuhkan pada bulan Oktober 1984. Sebelum ini Jabatan dikenali sebagai Jabatan Pendaftaran Persekutuan Tanah Melayu. Penubuhannya adalah bertujuan untuk membantu mengatasi masalah darurat di dalam negara, melalui pendaftaran dan pengeluaran kad-kad pengenalan kepada semua penduduk yang menetap di Persekutuan Tanah Melayu dan yang berumur 12 tahun ke atas. Pendaftaran ini telah dijalankan mengikut Peraturan 'Emergency (Registration areas) Regulations 1948'.

Pada masa penubuhannya Ibu Pejabat Pendaftaran Negara terletak di Bangunan Sulaiman, Jalan Damansara, Kuala Lumpur. Bagi melicinkan pentadbiran, Cawangan-cawangan Pejabat Pendaftaran Negara telah ditubuhkan diseluruh negara dan dikenali sebagai pejabat-pejabat kumpulan.

Aktiviti-aktiviti Jabatan ini telah dilaksanakan secara berperingkat. Pada tahun 1949, Jabatan Pendaftaran Negara telah mengambil alih aktiviti pendaftaran kelahiran yang sebelum ini dikendalikan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri Bersekutu/Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu dan Negeri-negeri Selat. Pada tahun 1955, Jabatan ini mengendalikan pendaftaran anak angkat dan pendaftaran perkahwinan awam. Pada tahun 1957, Jabatan ini turut mengendalikan pendaftaran Negara, menjalankan tugas-tugas mendaftar dan mengeluarkan sijil-sijil kewarganegaraan di bawah Bahagian III Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957. Pada 1 Mac 1982, Akta Memperbaharui Undang-undang Perkahwinan (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 telah dikuatkuasakan diseluruh Malaysia.

### Objektif Jabatan

1. Mengumpul, menyusun dan mendaftar maklumat-maklumat penting orang persaorangan di negara ini;
2. Mengeluarkan sijil-sijil pendaftaran penting mengenai orang persaorangan dalam bentuk dokumen yang selamat kepada seluruh negara;
3. Menyimpan rekod-rekod pendaftaran penting orang persaorangan dengan menggunakan alat-alat moden;
4. Menyimpan, merancang dan memberi khidmat nasihat berhubung dengan arah taburan dan bentuk kependudukan negara supaya dapat menuaikan objektif-objektif sosio-ekonomi dan kehendak-kehendak keselamatan negara; dan
5. Menyediakan perkhidmatan yang cepat, cekap, berbudi bahasa dan bersih kepada seluruh penduduk negara.

### Fungsi Jabatan

1. Untuk mengumpul, menyatupadu dan mendaftarkan maklumat penting orang persaorangan bagi seluruh penduduk di negara ini bagi memenuhi objektif-objektif sosio-ekonomi dan keperluan-keperluan keselamatan negeri;
2. Untuk mengeluarkan sijil pendaftaran penting orang persaorangan dalam bentuk sijil kelahiran dan kematian dan kad pengenalan kepada penduduk-penduduk

di negara ini dengan cekap;

3. Untuk memelihara dan menjaga dengan selamat rekod-rekod pendaftaran penting secara kekal; dan
4. Untuk menguatkuasakan peruntukan undang-undang dan peraturan-peraturan yang berkaitan dengan pendaftaran peristiwa-peristiwa penting dan pengeluaran dokumen-dokumen supaya tidak berlaku penyelewengan.

### **Organisasi Jabatan**

Jabatan Pendaftaran Negara terbahagi kepada bahagian-bahagian tertentu dalam usaha Jabatan untuk mencapai matlamatnya dan memberi khidmat yang luas di seluruh negara. Bahagian-bahagian tersebut ialah:

1. Bahagian Pentadbiran, Perkhidmatan, Kewangan
2. Bahagian Kelahiran dan Kematian
3. Bahagian Kad Pengenalan
4. Bahagian Kewarganegaraan
5. Bahagian Perkahwinan dan Perceraian
6. Bahagian Komputer, Mikrofilem dan Rekod
7. Bahagian Siasatan Penguatkuasa
8. Bahagian Audit Dalam
9. Bahagian Latihan Kerjaya dan Dokumentasi
10. Bahagian Perkhidmatan Kaunter dan Rekod

### **BAHAGIAN PENTADBIRAN, PERKHIDMATAN, KEWANGAN**

Memberi sokongan logistik dalam bidang pentadbiran, kewangan dan perkhidmatan kepada semua bahagian.

### **BAHAGIAN KAD PENGENALAN**

Terbahagi kepada tiga tugas:

1. Mendaftar, memproses dan mengeluarkan kad pengenalan kepada mereka yang diwajibkan memiliki mengikut Akta Perbendaharaan Negara, 1959 dan peraturan-peraturan dibawahnya serta memproses lain-lain permohonan seperitimana yang dikehendakki oleh akta dan peraturan tersebut;
2. Mengesan mereka yang tidak mendaftar, dan
3. Membantu agensi-agensi Kerajaan yang lain mengesan pengenalan orang-orang yang dikehendaki berkaitan dengan tugas mereka.

### **BAHAGIAN KEWARGANEGARAAN**

1. Menerima, memproses dan mendaftar permohonan kewarganegaraan, menguatkuasakan syarat-syarat tertentu bagi menentukan kelayakan, dan menjalankan perintah-perintah perlucutan kewarganegaraan.

## **BAHAGIAN PERKAHWINAN DAN PERCERAIAN**

Mentadbir, menyelaras dan menguatkuasakan undang-undang, pendaftaran perkahwinan dan perceraian.

## **BAHAGIAN KOMPUTER, MIKROFILEM DAN REKOD**

Tiga tugas utama:

1. Untuk membantu mempercepatkan pengeluaran dan perolehan data-data melalui komputer bagi aktiviti-aktiviti di bahagian Kelahiran, Kematian dan Anak Angkat, Kad Pengenalan, Warganegara dan Perkahwinan dan Perceraian;
2. Untuk menyimpan maklumat-maklumat bagi kegunaan bahagian-bahagian operasi di Jabatan Pendaftaran Negara; dan
3. Untuk memikrofilemkan semua dokumen penting yang terdapat di Jabatan Pendaftaran Negara.

## **BAHAGIAN SIASATAN PENGUATKUASAAN**

Menyiasat kes-kes permalsuan dan penyelewengan dalam pengeluaran sijil-sijil penting dan mendakwa mereka yang melanggar undang-undang.

## **BAHAGIAN AUDIT DALAM**

Menjalankan audit dalam dan memberi maklumbalas kepada pihak pengurusan untuk mengesan kelemahan yang berbangkit dari masa kemasa dan seterusnya mengambil langkah-langkah yang sesuai bagi mengatasi kelemahan-kelemahan itu.

## **BAHAGIAN LATIHAN, KERJAYA DAN DOKUMENTASI**

Mengatur dan melaksanakan rancangan-rancangan latihan yang menyeluruh untuk pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Pendaftaran Negara sebagai usaha untuk mempertingkatkan daya kecekapan mereka bagi menghadapi cabaran tugas, dan untuk menyimpan dan menguruskan segala maklumat penting berhubung dengan tugas di Jabatan Pendaftaran Negara.

## **BAHAGIAN PERKHIDMATAN KAUNTER DAN REKOD**

Memberi Perkhidmatan Kaunter yang berkesan; mengkaji dan menyelesai aduan awam, memelihara dan menyimpan dengan selamat semua rekod/sijil-sijil peristiwa penting; mengeluarkan cabutan sijil bila diminta dan melayan permintaan pindaan butir-butir dalam sijil.

## JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN

Dasar mengenai peraturan dan pendaftaran pertubuhan-pertubuhan diperkenalkan di Negeri-negeri Pulau Pinang dan Melaka pada tahun 1869 apabila Ordinan Negeri-negeri Selat: "Ordinan Bagi Pertubuhan-pertubuhan Tertentu dan Mencegah Perhim-punan Haram" diluluskan. Dalam tahun 1882 Ordinan tersebut telah di pinda dan diluluskan dengan tambahan. Pendaftaran wajib bagi semua Pertubuhan-pertubuhan dalam bentuk yang sedia ada telah diperkenalkan di Negeri-negeri Selat pada 1 Januari 1880 melalui " Ordinan Pertubuhan 1889".

Pengawalan Pertubuhan-pertubuhan dengan Peraturan Mesyuarat ("Order-in-Council") telah diperkenalkan di Negeri Selangor dalam tahun 1881. Peraturan-peraturan Mesyuarat 1881, 1888 dan 1894 telah dimansuhkan dan digantikan dengan Enakmen 1889 yang telah menyatakan semua undang-undang yang mewajibkan pertubuhan-pertubuhan didaftarkan.

Peraturan Mesyuarat telah diperkenalkan di Negeri Perak dalam tahun 1889 dan dikuatkuasakan pada tahun 1900. Di Negeri Pahang diperkenalkan dalam tahun 1890 dan dikuatkuasakan pada tahun 1901 dan di Negeri Sembilan Undang-undang ini diperkenalkan pada tahun 1889 dan di kuatkuasakan pada tahun 1900. Undang-undang ini telah disatukan di dalam Enakmen No. 20 Negeri-negeri Melayu Bersekutu pada tahun 1913. Pendaftaran Pertubuhan di perkenalkan di negeri Johor oleh Enakmen No. 2 tahun 1915 dan di negeri Kedah oleh Enakmen No. 17 tahun 1919 yang mewajibkan setiap pertubuhan di daftarkan. Walau bagaimanapun bagi Negeri Kelantan, Terengganu dan Perlis tidak terdapat maklumat-maklumat mengenai tarikh pendaftaran pertubuhan diperkenalkan di Negeri-negeri tersebut.

Pada tahun 1913 Enakmen 1899 telah dipinda dengan perubahan dari segi pentadbiran. Di dalam enakmen 1899 'Secretary For Chinese Affairs' dari Registrar of Societies bertanggungjawab terhadap penguasaan Enakmen tersebut. Pada 1 April 1947, Ordinan pertubuhan 1947 telah dikuatkuasakan. Ordinan ini memansuhkan semua Enakmen Pertubuhan lain yang sedia ada diseluruh negara dan memperuntukkan pendaftaran secara sukarela, di samping memberi kuasa kepada Pendaftar untuk meminta maklumat dari pertubuhan-pertubuhan yang tidak berdaftar serta mengharamkan penubuhan beberapa pertubuhan.

Tugas-tugas Pendaftar di bawah Ordinan Tahun 1947 dikendalikan oleh Pentadbir Pesaka dan Pendaftaran Syarikat, dan di negeri-negeri telah dilantik Penolong-penolong Pendaftar. Pada tahun 1949, Ordinan Pertubuhan 1947 telah dimasnuhan dan digantikan dengan Ordinan Pertubuhan 1949 yang berkuatkuasa pada 1 September 1949. Ordinan Pertubuhan No. 28 tahun 1949 memperuntukkan permohonan wajib bagi pendaftaran samada sebagai pertubuhan yang didaftarkan ataupun pertubuhan yang dikecualikan.

Akta Pertubuhan telah dipinda dari masa ke masa bagi tujuan menyesuaikannya dengan perkembangan politik dan sosial selaras dengan kehendak-kehendak pemerintah. semenjak tahun 1899 sehingga negara mencapai kemerdekaan dalam tahun 1957 pihak penjajah telah meminda Akta tersebut sebanyak lima kali iaitu pada tahun

1900, tahun 1913, tahun 1945, tahun 1947 dan tahun 1949. Pindaan yang dibuat pada tahun 1949 yang dikuatkuasakan pada 1 September 1949 mewajibkan pendaftaran semua pertubuhan yang ada pada masa itu. Langkah ini diambil untuk mengesan semua pertubuhan yang wujud di Persekutuan Tanah Melayu. Akibat daripada tindakan itu sebanyak 1590 pertubuhan telah didaftarkan sehingga 13 Disember 1949.

Selepas negara mencapai kemerdekaan, Akta Pertubuhan telah digubal semula dalam tahun 1965/1966. Akta ini dikenal sebagai Akta Pertubuhan 1966 (Act 13 of 1966) telah diwartakan dan berkuatkuasa mulai 1 Februari 1966. Seperti lain-lain Akta yang berteraskan Perlembagaan Persekutuan, Akta Pertubuhan 1966 diluluskan oleh Parlimen berpandukan kepada kuasa yang diberikan oleh Perlembagaan. Perkara 10(2), Perlembagaan Persekutuan telah memperuntukkan bahawa Parlimen boleh, dengan undang-undang, mengenakan sekatan-sekatan kepada semua warganegara dalam menubuhkan persatuan jika didapati perlu atau mustahak demi kepentingan keselamatan Persekutuan atau mana-mana bahagian atau ketenteraman awam. Antara sebab-sebab penting Kerajaan meminda Akta ini ialah untuk menyatu serta menyelaraskan semua ordinan-ordinan yang berkaitan dengan pertubuhan, iaitu Ordinan Pertubuhan tahun 1949 bagi Persekutuan Tanah Melayu, Ordinan Pertubuhan 1957 bagi negeri Sarawak dan Ordinan Pertubuhan 1961 bagi Negeri Sabah.

Akta Pertubuhan 1966 telah dipinda pada tahun 1966, 1970 dan 1972. Pada tahun 1981 Kerajaan sekali lagi meminda Akta-akta ini dengan memperuntukkan di antara lain bahagian 'pertubuhan politik'. Akta Pertubuhan sekali lagi menjadi isu yang kontroversial apabila cadangan untuk meminda Akta ini dalam tahun 1982, telah ditarik balik. Inilah kali pertama dalam sejarah negara dimana satu rang undang-undang yang telah dibentang di Parlimen ditarik balik kerana Kerajaan hendak mengkaji semula peruntukan yang terdapat dalam akta itu bagi mencerminkan dasar liberal Kerajaan.

Seterusnya, Akta Pertubuhan telah dipinda dan diwartakan pada 12 Mei 1983. Beberapa peruntukan yang dianggap kontroversial yang dimasukkan pada tahun 1972 dan tahun 1981 telah dimansuhkan atau diubahsuaiarkan mengikut perkembangan politik dan sosial bagi mencerminkan dasar Kerajaan sekarang.

Diawal penubuhannya Jabatan Pendaftaran Pertubuhan diletakkan di bawah Pejabat Ketua Setiausaha Kerajaan. Pada 2 Disember 1956 Jabatan ini dipindahkan daripada Pejabat Ketua Setiausaha Kerajaan kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Dalam tahun 1957 Jabatan ini diletakkan di bawah Kementerian Dalam Negeri dan Keadilan. Pada tahun 1961 nama Kementerian ditukar kepada Kementerian Dalam Negeri. Jabatan ini berpindah Kementerian apabila ia diletakkan semula di bawah Pesuruhjaya Negara dalam tahun 1963. Pada tahun 1971 Jabatan Pendaftaran Pertubuhan diletakkan semula di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan kekal sehingga sekarang.

### **Objektif Jabatan**

Jabatan Pendaftaran Pertubuhan ditubuhkan bertujuan untuk menentukan perkem-

bangsa pertubuhan-pertubuhan yang sihat yang tidak bercanggah dengan undang-undang keselamatan dan ketenteraman awam negara.

### **Fungsi Jabatan**

Fungsi utama jabatan ini ialah menguatkuasakan peruntukan-peruntukan dalam Akta Pertubuhan dan Peraturan-peraturan yang dibuat dibawahnya mengenai pendaftaran, mengawasi dan mengawal pertubuhan-pertubuhan dan cawangan-cawangan pertubuhan bagi menentukan bahawa mereka tidak akan digunakan bagi maksud-maksud yang memudaratkan keamanan, kebijakan, ketenteraman atau akhlak di dalam Persekutuan.

### **Organisasi Jabatan**

Pada amnya organisasi Jabatan Pendaftaran Pertubuhan terdiri daripada:

1. Bahagian Pentadbiran Am
2. Bahagian Pendaftaran dan Pengawasan
3. Bahagian Latihan, Perancangan dan Penyelidikan.

### **BAHAGIAN PENTADBIRAN AM**

Tugas-tugas Bahagian Pentadbiran Am termasuklah menyelaraskan kerja-kerja daripada semua Pejabat Cawangan di seluruh Malaysia di samping mentadbir dasar-dasar Jabatan dan Koordinasi kerja-kerja jabatan; mengurus perkara-perkara berkaitan dengan kewangan, perkhidmatan, latihan, penyelidikan dan perancangan, pembelian dan pengawalan perkakas-perkakas perabut, alatulis, bekalan dan bahan-bahan yang diperlukan oleh Jabatan, mengumpul data, perangkaan dan butir-butir mengenai bilangan pertubuhan-pertubuhan dan cawangan-cawangannya yang telah didaftar, ditolak, dibatal dan dibubar dari masa ke masa, menguatkuasakan Akta Pertubuhan 1966, dan mengambil tindakan undang-undang mendakwa sesiapa yang telah melanggar peraturan-peraturan di bawah Akta Pertubuhan 1966.

### **BAHAGIAN LATIHAN, PENERANGAN DAN PENYELIDIKAN**

Bahagian ini menjalankan penyelidikan ke atas perkara-perkara yang berhubung dengan Akta Pertubuhan 1966 dalam usaha memperkemaskin penguatkuasaan Akta tersebut. Bahagian ini juga bertanggungjawab membuat perancangan dan penyelaras keatas segala aktiviti Ibu Pejabat dan cawangan-cawangan Jabatan. Tugas-tugas lain ialah memproses rayuan, aduan-aduan yang diterima daripada orang ramai, Biro Pengaduan Awam dan Badan Pencegah Rasuah serta merangka dan menyediakan program latihan untuk pegawai dan kakitangan Jabatan.

### **BAHAGIAN PENDAPATAN DAN PENGAWASAN**

Tanggungjawab Bahagian ialah mendaftar pertubuhan baharu dan meluluskan penubuhan cawangan pertubuhan; menimbangkan permohonan daripada pertubuhan berdaftar untuk pindaan kepada undang-undangnya, pertukaran nama pertubuhan dan alamat pertubuhan, permohonan untuk menggunakan bendera, len-

cana, lambang dan lain-lain tanda, dan mengawal kegiatan-kegiatan pertubuhan berdaftar termasuk cawangannya atas kepentingan keamanan, kebajikan, akhlak dan ketenteraman di dalam Persekutuan.

## JABATAN PENJARA MALAYSIA

Institusi penjara di Malaysia wujud semenjak dahulu dan berfungsi sebagai tempat tahanan/kurungan bagi orang-orang yang bersalah. Berikutan dengan kedatangan orang-orang asing terutamanya orang-orang Inggeris di akhir abad ke 18, corak institusi penjara turut bertukar. Satu sistem pentadbiran penjara yang berbeza-beza di antara satu negeri dengan yang lain diwujudkan. Pada zaman pemerintahan Inggeris dua jenis penjara telah diperkenalkan. Satu adalah Penjara Awam di mana kebanyakan orang tahanannya terdiri dari mereka yang sedang menunggu perbicaraan, berhutang atau yang dijatuhkan hukuman berat seperti hukuman penjara dari enam bulan hingga seumur hidup.

Pada tahun 1946 Pentadbiran Penjara dipusatkan bawah Pesuruhjaya Penjara. Sistem pentadbiran dan undang-undang yang dahulunya berbeza telah diselarasikan. Pentadbiran pusat penjara dijalankan di Penjara Taiping Perak di bawah Setiausaha Pertahanan. Pada tahun 1956 pentadbiran penjara diambilalih oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri sehingga sekarang. Pada tahun 1952, satu undang-undang baru pentadbiran penjara telah diluluskan. Undang-undang ini meliputi penjaagaan orang-orang yang menjalani hukuman penjara yang dikenakan oleh Mahkamah, memulihkan mereka dengan memberi latihan dan lain-lain tanggungjawab dalam bidang-bidang tertentu.

Berikutan dengan terbentuknya Malaysia pada tahun 1963, tiga jenis sistem pentadbiran penjara yang berbeza dilaksanakan. Negeri-negeri Sabah dan Sarawak mempunyai sistem pentadbirannya yang tersendiri.

Jabatan Penjara Malaysia mengendalikan enam jenis institusi yang berjumlah tiga puluh enam buah semuanya. Institusi-institusi ini mempunyai peranan dan tugas yang tertentu seperti berikut:

### 1. Penjara

Berjumlah sebanyak dua puluh satu buah dan terletak di seluruh negara. Penjara ini berperanan menampung banduan-banduan yang belum dan telah dijatuhkan hukuman penjara dan diberi latihan-latihan pemulihan.

### 2. Sekolah Henry Gurney

Sekolah ini menampung penghuni-penghuni yang berusia di antara 14 hingga 21 tahun yang ditahan di bawah perintah Mahkamah Budak-budak Nakal 1947 dan diberi latihan pemulihan. Institusi ini mempunyai lima buah cawangan di seluruh Malaysia, empat daripadanya di Semenanjung Malaysia dan sebuah di Sabah.

### 3. Tempat Tahanan Perlindungan

Institusi ini diwujudkan bagi menampung orang-orang tahanan yang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 dan Undang-undang Menjaga Keselamatan Awam 1962 di Sabah dan Sarawak. Tugas utama Institusi ialah untuk memberi tempat perlindungan yang selamat dan berasingan bagi orang-orang tahanan. Terdapat empat buah Tempat Tahanan Perlindungan di

Semenanjung Malaysia, satu di Sabah dan satu lagi di Sarawak.

4. Pusat Pemulihan Akhlak

Pusat ini ditubuhkan di Pulau Jerejak, Pulau Pinang berikutan kekacauan 13 Mei 1969. Ia bertujuan menempatkan orang-orang yang ditangkap di bawah Undang-undang Dharurat 5/69 (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) dan diberi latihan pemulihan.

5. Pusat Pemulihan Dadah

Pusat ini ditubuhkan bagi menampung penghuni-penghuni yang terlibat dengan dadah dan diantar oleh Mahkamah untuk menjalani rawatan pemulihan dadah. Hanya terdapat sebuah pusat iaitu di Sarawak.

6. Maktab/Sekolah Latihan Pegawai-pegawai Penjara.

Sekolah ini ditubuhkan di Taiping Perak bagi melatih pegawai dan kakitangan penjara. Tujuan penubuhannya adalah untuk menyediakan latihan yang pesat di semua peringkat bagi membolehkan mereka menjalankan pentadbiran penjara mengikut keadaan masa.

### **Tugas Jabatan**

Tugas Jabatan Penjara ialah seperti berikut -

1. Menahan/mengurung pesalah-pesalah sehingga tiba masa mereka dibebaskan;
2. Memberi kawalan yang selamat keatas banduan-banduan semasa mereka menjalani hukuman; dan
3. Memulihkan sikap dan akhlak banduan-banduan supaya mereka dapat kembali ke pangkuhan masyarakat sebagai warganegara yang baik berguna dan bertanggungjawab.

### **Objektif Jabatan**

Objektif Jabatan Penjara Malaysia adalah untuk menguruskan hukuman penjara/tahanan keatas mereka yang telah dijatuhi hukuman mahkamah atau diarah oleh Menteri Dalam Negeri di bawah peraturan undang-undang yang tertentu bagi menjaga keselamatan dan kesejahteraan negara. Di samping itu untuk menentukan bahawa banduan-banduan, penghuni-penghuni dan orang-orang tahanan diberi rawatan pemulihan akhlak dan latihan kemahiran yang tertentu supaya mereka menjadi rakyat yang berguna kepada masyarakat apabila mereka keluar dari tahanan.

### **Organisasi Jabatan**

Organisasi Jabatan Penjara Malaysia dibahagikan kepada enam bahagian iaitu:

1. Bahagian Pentadbiran Am
2. Bahagian Kurungan Banduan-banduan
3. Bahagian Kurungan dan Pemulihan Orang-orang Tahanan

4. Bahagian Latihan Banduan-banduan
5. Bahagian Kurungan dan Didikan Semula Budak-budak Nakal dan Banduan-banduan Muda
6. Bahagian Latihan Pegawai-pegawai Penjara

## **BAHAGIAN PENTADBIRAN AM**

Bahagian ini bertanggungjawab menguruskan hal-hal pentadbiran di semua penjara. Pusat pentadbiran yang terletak di bandar Taiping diketuai oleh Ketua Pengarah Penjara serta dibantu oleh dua orang Timbalan dan lain-lain pegawai. Bahagian ini bertanggungjawab terhadap pengendalian semua aspek pentadbiran dan pengurusan. Di seluruh Malaysia terdapat tiga puluh empat buah institusi penjara yang diketuai oleh Pengarah/Penguasa Kanan dan dibantu oleh pegawai dan kakitangan bagi melaksanakan tanggungjawab pentadbiran dan pengurusan institusi.

## **BAHAGIAN KURUNGAN BANDUAN-BANDUAN**

Bahagian ini bertanggungjawab mengurus dan mengawal dengan selamat banduan-banduan. Ini adalah bertujuan untuk memisahkan banduan-banduan dari masyarakat sebagaimana yang diarahkan oleh Mahkamah dan juga berusaha memulihkan mereka supaya menjadi masyarakat yang bertanggungjawab dan patuh kepada undang-undang negara. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh bahagian ini meliputi menjaga kebajikan, kesihatan, hiburan serta makanan banduan; memberi latihan vokasional; dan menjalankan pentadbiran penjara berdasarkan kepada Undang-undang Penjara Bangsa-bangsa Bersatu.

## **BAHAGIAN KURUNGAN DAN PEMULIHAN ORANG-ORANG TAHANAN**

Tugas Bahagian ini ialah mengurus orang-orang tahanan serta melatih dan memulihkan sikap mereka supaya dapat kembali kepada masyarakat sebagai warganegara yang berguna. Orang-orang tahanan adalah diasingkan daripada banduan-banduan dan ditempatkan di tempat perlindungan. Keutamaan diberi kepada pemulihian mereka dan untuk tujuan ini disediakan berbagai kemudahan sosial dan rekreasi. Latihan pertukangan dan permainan sukan disediakan juga oleh Bahagian ini.

## **BAHAGIAN LATIHAN BANDUAN-BANDUAN**

Tujuan Bahagian ialah untuk memberi pelbagai jenis latihan kepada banduan/orang tahanan/penghuni penjara. Latihan-latihan yang diberi akan dapat membantu mereka mencari kehidupan sendiri dan untuk melahirkan sikap kewarganegaraan dan bertanggungjawab supaya dapat diterima kembali oleh masyarakat apabila dibebaskan kelak.

Bahagian ini telah membentuk berbagai cabang perusahaan yang memberi latihan kemahiran kepada banduan-banduan/orang-orang tahanan/penghuni penjara. Di antaranya adalah menjahit, pertukangan kayu, pertukangan besi, mengecap batik, percetakan dan membuat sampan/bot.

## **BAHAGIAN KURUNGAN DAN DIDIKAN SEMULA BUDAK-BUDAK NAKAL DAN BANDUAN-BANDUAN MUDA**

Tujuan Bahagian ini ialah mengurung budak-budak nakal dan banduan-banduan muda serta melatih dan memulihkan mereka supaya mereka dapat menghormati undang-undang negara serta dapat mencari pendapatan dengan jalan yang halal apabila dibebaskan kelak. Aktiviti ini memerlukan rancangan latihan yang khas bagi memulihkan banduan-banduan nakal dan banduan-banduan muda. Keutamaan aktiviti ditumpukan kepada pemulihan sifat dan sikap mereka yang dapat memberi kesedaran supaya menghormati undang-undang negara. Di samping itu mereka diberi peluang menumpukan minat mereka kepada ilmu pengetahuan dan pelajaran berdasarkan kepada sukanan pelajaran Kementerian Pelajaran. Bimbingan juga diberi supaya mereka menduduki peperiksaan bagi melengkapkan diri mereka apabila mereka dibebaskan.

## **BAHAGIAN LATIHAN PEGAWAI-PEGAWAI PENJARA**

Bahagian ini bertanggungjawab melatih pegawai-pegawai penjara daripada berbagai peringkat terutamanya pegawai-pegawai baru dalam ilmu mencegah jenayah dan pemulihian. Sekolah Latihan Pegawai Penjara terletak di Taiping, Perak bertindak sebagai pusat latihan bagi semua kakitangan penjara di seluruh Malaysia. Sebuah pusat latihan lagi telah ditubuhkan di Kajang untuk memberi latihan kepada Pegawai-pegawai Kanan Penjara.

## **JABATAN PERCETAKAN NEGARA**

Pada 1 April 1946 Jabatan-jabatan Percetakan Johor, Kedah dan Terengganu telah dipusatkan dan ditadbirkan oleh pencetak Kerajaan dari Kuala Lumpur. Kawalan ini meliputi percetakan yang diuruskan oleh Jabatan Penjara Taiping dan Jabatan Pos dan Telekomunikasi. Urusan percetakan untuk negeri-negeri yang tidak mempunyai kemudahan percetakan dikendalikan oleh Jabatan-jabatan Percetakan Negeri iaitu Negeri Kedah, Johor dan Terengganu dengan kawalan dari Ibu Pejabat di Kuala Lumpur.

Pada tahun 1951 Jabatan Percetakan telah diletakkan dibawah portfolio Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan pada tahun 1953 Jabatan ini diletak di bawah tanggungjawab Pejabat Ketua Setiausaha Negara. Pada tahun 1956 ia kembali berada di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (kemudian dikenali sebagai Kementerian Dalam Negeri 1957) hingga tahun 1971. Pada tahun 1972 hingga 1978 Jabatan ini di tadbirkan di bawah Kementerian Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar dan pada tahun 1979 ia ditukarkan portfolio kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Hingga pertengahan tahun 1982 Jabatan Percetakan diletakkan semula di bawah Kementerian Dalam Negeri.

Tujuan utama Jabatan ini ialah untuk memberi perkhidmatan percetakan dan pengeluaran penerbitan kepada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Badan Berkanun serta memberi perkhidmatan khidmat nasihat di atas semua perkara berkaitan dengan percetakan kepada agensi-agensi Kerajaan.

### **Tugas-tugas Jabatan Percetakan Negara**

Di antara tugas-tugas Jabatan ini adalah:

1. Menyediakan satu khidmat umum mencetak dan menerbit untuk Kerajaan Persekutuan dan pihak berkuasa tempatan dan juga bertindak sebagai pihak berkuasa yang tunggal bagi menerbitkan dokumen-dokumen Kerajaan;
2. Menentukan setiap penerbitan Kerajaan sampai kepada orang awam jika boleh sebagai satu media bagi orang awam mendapatkan maklumat berkenaan polisi-polisi Kerajaan dan undang-undang Kerajaan secara penyebaran dan penjualan;
3. Memberi perkhidmatan nasihat di atas semua perkara bersabit dengan percetakan kepada Jabatan-jabatan Kerajaan; dan
4. Menentukan bekalan yang cukup bagi borang dan alat tulis jabatan-jabatan untuk kegunaan Kerajaan Persekutuan dan Negeri dan juga Badan-badan Berkanun.

### **Organisasi Jabatan**

Pada umumnya, keperluan percetakan Kerajaan adalah dikendalikan oleh Ibu Pejabat Jabatan Percetakan di Kuala Lumpur. Kuasa tunggal mencetak dokumen-dokumen Kerajaan terletak di tangan Ketua Pengarah yang dahulunya dikenali sebagai Pencetak Kerajaan. Segala dasar, aturan umum dan rancangan dikeluarkan dari Ibu

Pejabat termasuk hal-hal bekalan bahan cetakan dan tenaga kerja. Pejabat-pejabat Cawangan juga telah ditubuhkan di bawah tadbiran Ibu Pejabat di Kuala Lumpur. Cawangan-cawangan yang ditubuhkan ialah di Alor Setar (Kawasan Utara), Ipoh (Kawasan Tengah), Johor Bahru (Kawasan Selatan), Kuala Terengganu (Kawasan Timur) di Kuching dan Miri (Kawasan Sarawak). Cawangan-cawangan ini ditubuhkan pada dasarnya untuk berkhidmat kepada negeri-negeri tersebut. Organisasi Ibu Pejabat Percetakan terbahagi kepada Bahagian Pentadbiran Am, Bahagian Penjualan dan Bahagian Penerbitan, Bahagian Percetakan dan Bahagian Pembelian dan Pembekalan Alat Tulis dan Borang-borang Bercetak.

### **BAHAGIAN PENTADBIRAN AM**

Bahagian ini bertanggungjawab di atas segala pentadbiran jabatan seperti urusan perjawatan, kewangan dan juga sebagai pusat yang mengendalikan semua aktiviti pentadbiran di peringkat Cawangan-cawangan di Alor Setar, Ipoh, Kuala Terengganu, Johor Bahru dan Kuching. Bahagian ini juga menjadi pusat surat menyurat dan pusat memproses dan menyediakan kos kerja-kerja percetakan.

### **BAHAGIAN PERCETAKAN**

Bahagian ini bertanggungjawab untuk mencetak semua penerbitan Kerajaan termasuk Warta Kerajaan, Rang Undang-undang, borang-borang laporan dan lain-lain. Bahagian ini juga bertanggungjawab meningkatkan mutu percetakan, pengeluarannya dan mengendalikan percetakan-percetakan yang berjenis keselamatan seperti pasport antarabangsa, setem dan lain-lain dokumen yang dapat dikendalikan oleh Jabatan ini.

### **BAHAGIAN PENJUALAN DAN PEMBAHAGIAN PENERBITAN**

Bahagian ini menguruskan pengedaran dan penjualan terbitan-terbitan Kerajaan kepada orang awam menerusi semua cawangan dan agen-agen yang dilantik. Bahagian ini juga menguruskan pengedaran Warta-warta Kerajaan kepada pelanggan-pelanggan.

### **BAHAGIAN PEMBELIAN DAN PEMBEKALAN ALAT TULIS DAN BORANG-BORANG BER CETAK**

Bahagian ini bertanggungjawab membekalkan borang-borang yang telah dicetak kepada Jabatan-jabatan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Badan-badan Berkanun. Bahagian ini juga menguruskan pengedaran bahan-bahan percetakan kepada Jabatan-jabatan Kerajaan dan Sektor Swasta serta berkhidmat sebagai pusat pelupusan kepada Jabatan-jabatan Kerajaan untuk kertas, alat tulis, buku-buku dan sebagainya yang tidak dipakai.

## **JABATAN PERTAHANAN AWAM**

Jabatan Pertahanan Awam Malaysia telah ditubuhkan dibawah Ordinhan Pertahanan Awam 1951 dan dibentuk pada tahun 1952. Antara 1952 hingga tahun 1954 organisasi Pertahanan Awam Persekutuan Tanah Melayu telah dibahagikan kepada dua wilayah iaitu:

1. Wilayah Utara - mengandungi Bahagian Pulau Pinang dan Butterworth; dan
2. Wilayah Tengah - mengandungi Bahagian Kuala Lumpur dan Kelang.

Setelah tamat darurat pada tahun 1958, tindakan untuk memansuhkan Pertahanan Awam telah diambil tetapi rancangan ini telah dibatalkan. Dalam tahun 1964, disebabkan oleh konfrantasi, organisasi Pertahanan Awam telah diperbesarkan di seluruh negara. Tiga puluh enam Cawangan termasuk Cawangan Singapura telah ditubuhkan. Setelah tamat konfrantasi dalam tahun 1967, Jabatan Pertahanan Awam telah diperkecilkan dan disusun kembali mengikut keperluan masa damai.

### **Objektif jabatan**

Objektif Jabatan Pertahanan Awam adalah untuk melaksanakan langkah-langkah pertahanan awam dan mengadakan perkhidmatan-perkhidmatan bantuan kecemasan bagi mengurangkan kerosakan keatas harta benda dan kehilangan jiwa orang-orang awam yang disebabkan oleh tindakan musuh atau akibat bencana alam.

### **Fungsi Jabatan**

1. Melatih dan melengkapkan satu pasukan pertahanan awam yang dianggotai oleh ahli-ahli sukarela untuk bertugas dalam sesuatu bencana alam dan dapat berkembang kepada suatu tenaga yang diperlukan di masa ancaman peperangan;
2. Memberi kursus-kursus latihan kepada orang-orang awam tentang faedah-faedah dan tugas-tugas pertahanan awam supaya dapat mereka membantu diri di masa kecemasan;
3. Membantu Perkhidmatan Bomba, Polis, Perubatan, Kebajikan Masyarakat dan sebagainya dalam masa kecemasan atau bencana alam;
4. Memperolehi dan menyimpan semua alat-alat kelengkapan yang diperlukan untuk tindakan pertahanan awam di waktu kecemasan; dan
5. Merancang dan melaksanakan sekim-sekim 'non-operational' pertahanan awam seperti amaran kawalan udara, kawalan lampu, tempat-tempat perlindungan awam, penempatan mangsa-mangsa perang dan menjaga orang-orang yang kehilangan rumah tangga.

### **Organisasi Jabatan**

Terdapat tujuh belas Cawangan Jabatan Pertahanan Awam di Malaysia Barat dan lapan Cawangan di Malaysia Timur. Ahli-ahli Persatuan Pertahanan Awam adalah terdiri dari ahli-ahli sukarela dan berkhidmat sepenuh masa diwaktu darurat. Setiap ahli sukarela diberi latihan tentera dan setelah tamat darurat mereka diberi latihan

mengikut Seksyen. Untuk melaksanakan keperluan operasi dan perkhidmatannya, pasukan pertahanan awam disusun dalam enam Seksyen iaitu:

1. Ibu Pejabat
2. Warden
3. Ambulans
4. Penyelamat
5. Kebajikan
6. Perkhidmatan Bomba Tambahan

### **SEKSYEN IBU PEJABAT**

Seksyen Ibu Pejabat Pertahanan Awam mengandungi tiga bahagian iaitu Bilik Gerakan, Bilik Semboyan dan Depoh untuk menjalankan tugas-tugas berikut:

1. Mengumpul dan menilai keperluan-keperluan gerakan di kawasan yang terlibat;
2. Menghantar dan mengawal berbagai perkhidmatan pertahanan awam di tempat kerosakan;
3. Mengadakan sistem perhubungan tambahan untuk kemudahan perhubungan seperti radio, perkhidmatan hantar tugas dan tali kabel;
4. Menghantar laporan dan maklumat kepada pusat kawalan di peringkat atasan atau bawahan dalam susunan pemerintahan pertahanan awam dan kepada lain-lain perkhidmatan seperti Polis, Bomba dan sebagainya;
5. Menubuh dan menyelenggarakan Depoh Pertahanan Awam di peringkat Bahagian di kawasan-kawasan warden;
6. Meminta dan memberi kerjasama kepada lain-lain badan melalui saluran yang sewajarnya;
7. Memberi makumat teknikal berhubung dengan guguran debu radioaktif dan memberi nasihat amaran untuk mengawal operasi pertahanan awam termasuk memindahkan orang-orang awam dari kawasan yang terkena radioaktif.

### **SEKSYEN WARDEN**

Seksyen Warden adalah sangat penting dalam organisasi pertahanan awam dan ia juga menjadi sebagai penghubung di antara orang ramai dengan Ibu Pejabat. Tugas-tugas Seksyen Warden terbahagi kepada dua peringkat iaitu:

1. Tugas-tugas sebelum serangan
  - 1.1 Membantu dan menasihat orang ramai dan langkah-langkah yang hendak diambil sebelum serangan musuh;
  - 1.2 Mengurus dan melatih orang ramai untuk membantu menjalankan tugas-tugas yang dapat mengurangkan akibat serangan yang membahayakan seperti memadam api dan memberi pertolongan cemas,

- 1.3 Memberi amaran kepada orang ramai atas kemungkinan serangan udara musuh;
  - 1.4 Mengumpul dan mengisi butir-butir rekod penduduk dalam kawasan jagaan termasuk maklumat berkenaan orang yang akan dipindahkan; dan
  - 1.5 Membantu dalam menguatkuasakan peraturan dan rancangan-rancangan tambahan seperti rancangan bergelap, dasar perlindungan dan sebagainya.
2. Tugas-tugas selepas serangan
  - 2.1 Meninjau dan mengawal kerosakan yang berlaku di tempat-tempat kemalangan;
  - 2.2 Mengarah dan membantu orang-orang pelarian dan kehilangan rumah tangga ke pusat-pusat berkumpul di mana mereka akan didaftarkan dan dihantar ke pusat layanan dan ke kem sambutan; dan
  - 2.3 Menyelamat dan memberi pertolongan cemas kepada orang yang cedera dan terperangkap.

## **SEKSYEN KEBAJIKAN**

Seksyen Kebajikan adalah bertanggungjawab untuk:

1. Menjaga kesejahteraan orang-orang kehilangan rumah tangga akibat serangan musuh dengan mentadbir dan menyelenggarakan pusat-pusat berkumpul, layan dan kem sambutan;
2. Memberi bantuan dalam pemindahan dan sambutan orang-orang pemindahan, kehilangan rumah tangga, orang pelarian semasa dan sebelum perang; dan
3. Membantu menempatkan orang-orang pemindahan, orang-orang kehilangan rumah tangga dan orang-orang pelarian di rumah-rumah swasta atau di bangunan-bangunan yang di khaskan.

## **SEKSYEN AMBULANS/PERTOLONGAN CEMAS**

Tugas seksyen ini ialah:

1. Memberi pertolongan cemas di tempat kemalangan
2. Menyediakan dan memberi khidmat kereta ambulans kepada orang yang cedera
3. Membantu perkhidmatan perubatan negara.

Tugas utama seksyen ini ialah:

1. Menyelamat jiwa orang-orang cedera atau terperangkap di bawah runtuhannya dengan segera.
2. Memberi pertolongan cemas semasa menjalankan operasi penyelamat.

## **SEKSYEN PERKHIDMATAN BOMBA TAMBAHAN**

Seksyen ini ditubuhkan sebagai tambahan kepada Perkhidmatan Bomba biasa. Tugas seksyen ini ialah:

1. Membantu Perkhidmatan Bomba biasa untuk mencegah kebakaran.
2. Menyelamat orang-orang yang terperangkap semasa kebakaran terutama semasa kebakaran besar akibat serangan musuh.

## **JABATAN POLIS DI RAJA MALAYSIA**

Sejarah penubuhan pasukan polis bermula dengan tertubuhnya beberapa pasukan polis secara berasingan di negeri-negeri di Tanah Melayu. Pada tahun 1806 Pasukan Polis Pulau Pinang telah ditubuhkan diikuti oleh Melaka pada tahun 1824, seterusnya Perak, Negeri Sembilan dan Sungai Ujung pada tahun 1847, Selangor pada tahun 1875 dan Pahang pada tahun 1888. Pada tahun 1896 Pasukan-pasukan Polis ini telah disatukan di bawah Polis Persekutuan Tanah Melayu. Antara tahun 1896 hingga 1920 sebuah lagi pasukan polis ditubuhkan secara berasingan bagi Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu iaitu Johor, Kedah, Perlis, Terengganu dan Kelantan. Bagi negeri Kelantan pasukan yang ditubuhkan dikenali sebagai Polis Tentera Kelantan.

Pada zaman pendudukan Jepun, Polis Persekutuan Tanah Melayu telah memainkan peranan ketenteraan dan 'para military' dalam usaha menentang Jepun. Selepas pengunduran Jepun pada tahun 1945, satu pasukan polis Persekutuan Tanah Melayu telah ditubuhkan meliputi seluruh Semenanjung di bawah nama Polis Malayan Union. Pada tahun 1948 nama Polis Malayan Union telah ditukarkan menjadi Pasukan Polis Persekutuan Tanah Melayu pada masa darurat disyiharkan, pasukan polis telah disusun semula bagi tujuan menentang ancaman komunis. Bagi memperingati perkhidmatan cemerlang Pasukan Polis semasa darurat, pada tahun 1958 DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah mengurniakan gelaran Diraja kepada pasukan Polis dan diikuti dengan penganugerahan 'Royal Standard' pada tahun 1961. Selepas penubuhan Malaysia pada tahun 1963, Pasukan Polis Sabah dan Sarawak telah digabungkan dengan Pasukan Polis Persekutuan Tanah Melayu. Kini Pasukan Polis lebih dikenali dengan nama Pasukan Polis Di Raja Malaysia.

### **Objektif Jabatan**

Objektif utama Jabatan Polis DiRaja Malaysia adalah untuk menguatkan dan mengekalkan undang-undang dan ketenteraman, menjaga keamanan dan keselamatan negara, mencegah dan mengesan jenayah, menangkap dan mendakwa penjenayah-penjenayah dan mengumpul risikan keselamatan.

### **Fungsi Jabatan**

1. Melaksanakan dan menguatkuasakan undang-undang dan peraturan berhubung dengan jalanraya;
2. Meronda dan mencegah jenayah di pantai, pulau-pulau dan diudara;
3. Mencegah dan menghapuskan kegiatan penyeludupan, pengedaran dan penyalahgunaan dadah, menangkap dan mendakwa orang-orang yang disyaki melakukan kesalahan berkaitan dengan dadah dan menentukan perlaksanaan undang-undang mengenai dadah;
4. Menjalankan gerakan-gerakan mencegah jenayah dan mendakwa orang-orang yang disyaki melakukan kesalahan jenayah mengikut kuatkuasa undang-undang;

- Menjalankan operasi secara sulit dan terbuka ke atas pengganas komunis, anasir-anasir subversif, perisikan, pengintipan dan ancaman-ancaman luar bagi menjamin keselamatan negara;
- Mengumpul risikan-risikan keselamatan bagi menjamin keselamatan dalam negeri, membuat penganalisaan dan menjalankan operasi-operasi secara sulit dan terbuka dengan tujuan pencegahan atau penghapusan semua ancaman-ancaman kepada keselamatan negara; dan
- Merancang operasi darat dan mengawal kawasan-kawasan tertentu terutamanya di kawasan sempadan demi menghapuskan musuh-musuh negara dan mengawal kegiatan penyeludupan, serta menjalankan tindakan-tindakan yang pantas bagi menjamin keselamatan negara dan ketenteraman awam.

### **Organisasi Jabatan**

Ibu pejabat Polis Di Raja Malaysia mengandungi empat bahagian iaitu:

- Bahagian Pengurusan
- Jabatan Siasatan Jenayah
- Bahagian Keselamatan Dalam Negeri/Ketenteraman Awam
- Cawangan Khas

### **BAHAGIAN PENGURUSAN**

Peranan utama Bahagian Pengurusan adalah berkaitan dengan masalah kelengkapan, keanggotaan, pentadbiran am dan kecekapan pasukan polis. Bahagian ini mengandungi enam cawangan besar iaitu pentadbiran, perkhidmatan latihan, logistik, kenaikan pangkat dan tatatertib, perhubungan awam dan cawangan komputer.

### **CAWANGAN PENTADBIRAN**

Cawangan ini merangkumi kegiatan-kegiatan seperti pendaftaran pasukan, trafik, istiadat, sukan, pancaragam polis, pasukan kadet polis dan pembangunan dalam pasukan polis.

### **CAWANGAN PERKHIDMATAN DAN PERJAWATAN**

Cawangan ini bertanggungjawab keatas dasar perkhidmatan bagi pasukan, pengurusan kakitangan dan penetapan kenaikan pangkat dan pertukaran.

### **CAWANGAN LATIHAN**

Cawangan latihan bertanggungjawab mengenalpasti kehendak-kehendak latihan pasukan, perkembangan polisi dan peraturan-peraturan, menyelaras tugas kesemua dua puluh lima institusi-institusi latihan, menguruskan dan memperolehi semua bahan latihan, menilai peraturan-peraturan latihan, merancang untuk latihan lanjutan dan menyediakan anggaran latihan. Bahagian ini juga mengelolakan semua peperiksaan jabatan.

## **CAWANGAN LOJISTIK**

Bahagian ini bertanggungjawab untuk mengawal dan menyelaras bahagian-bahagian pengkhususan (specialist) pasukan iaitu semboyan, persenjataan, merin dan unit udara.

## **CAWANGAN PERHUBUNGAN AWAM**

Cawangan ini mempunyai tiga peringkat iaitu perhubungan polis dengan orang ramai, perhubungan polis dengan Sebaran Am, perhubungan polis dalam pasukan.

## **CAWANGAN KOMPUTER**

Cawangan ini dikendalikan oleh seorang 'Juruanalisa Sistem' dan 'programmer' yang menjalankan tugas memasukkan data-data jenayah.

## **JABATAN SIASATAN JENAYAH**

Jabatan ini bertanggungjawab keatas pencegahan dan pengesanan jenayah serta pendakwaan dan penangkapan penjenayah dan meliputi aktiviti-aktiviti berikut:

1. Mengendalikan semua aspek pentadbiran Jabatan Siasatan Jenayah, latihan dan merangka dasar-dasar bahagian;
2. Mengekalkan statistik, data-data dan rekod-rekod jenayah, cap jari dan pentadbiran Jabatan Siasatan Cawangan Keretapi;
3. Mengendalikan hal-hal mengenai kepakaran jenayah, perancangan dan analisa serta mengekalkan perhubungan dengan Interpol;
4. Menyediakan bantuan dan arahan mengenai siasatan-siasatan khas dan keskes jenayah yang rumit yang berhubung dengan jenayah perniagaan, penubuhan, penipuan dan pemalsuan;
5. Memberi perkhidmatan teknikal dalam bidang fotografi, sains 'forensic' dan unit anjing;
6. Mengendalikan kes kongsi gelap dan jenayah perjudian; dan
7. Mengambil langkah-langkah untuk mencegah penyalahgunaan dadah dalam negara.

## **BAHAGIAN KESELAMATAN DALAM NEGERI/KETENTERAMAN AWAM**

Cawangan ini bertanggungjawab ke atas semua yang bersabit dengan keselamatan dalam negeri termasuk fungsi 'para military' disamping menjalankan tugas polis biasa diseluruh negara. Di samping itu bahagian ini juga menjalankan tugas-tugas berikut:

1. Keselamatan Dalam Negeri

Untuk menentang dan mencegah sebarang ancaman kepada keselamatan negara yang ditimbulkan dari kumpulan-kumpulan subversif dan sebagainya di kalangan rakyat.

2. Ketenteraman Awam

Untuk mencegah sebarang ancaman kepada ketenteraman awam yang timbul seperti rusuhan atau sebarang ancaman awam.

### 3. Keselamatan Sempadan

Untuk mengawal dan meronda kawasan-kawasan sempadan laut dan kawasan Orang Asli.

Bagi menjalankan tugas-tugas tersebut Jabatan ini telah menujuhkan pasukan-pasukan khas 'para military' iaitu.

1. Cawangan Polis Hutan (Polis Field Force (PFF))
2. Pasukan Simpanan Persekutuan (Federal Reserve Unit (FRU))
3. Unit Kawalan Persekutuan (Area Security Unit (ASU))

### **CAWANGAN POLIS HUTAN (POLICE FIELD FORCE (PFF) )**

Cawangan Pasukan Polis Hutan ini bercorak seperti tentera di dalam susunannya iaitu terdiri dari batalion-batalion dan briged. Pasukan ini menjalankan tugas menjaga keselamatan dalam negeri, ketenteraman awam dan keselamatan sempadan.

### **PASUKAN SIMPANAN PERSEKUTUAN (FEDERAL RESERVE UNIT (FRU) )**

Unit Simpanan Persekutuan adalah unit gerak cepat yang dilatih khas supaya boleh bergerak secara persendirian dalam beberapa keadaan berhubung dengan ketenteraman awam. Pasukan ini juga membantu semasa malapetaka berlaku seperti banjir, kebakaran, kegelinciran keretapi, tanah runtuh, kemalangan kapal terbang dan lain-lain. Dalam unit ini juga terdapat satu Platon Pasukan Polis Wanita.

### **UNIT KAWALAN PERSEKUTUAN (AREA SECURITY UNIT (ASU) )**

Unit ini ditubuhkan pada tahun 1976, merupakan unit pantas yang memberi kawalan keselamatan di kawasan-kawasan, di mana mereka berpangkalan dan menjalankan gerak saraf yang bertujuan untuk memenangi hati penduduk-penduduk, terutama di kawasan-kawasan yang diper-ayai terdapat kegiatan subversif.

### **BAHAGIAN CAWANGAN KHAS**


Bahagian Cawangan Khas dalam Pasukan Polis DiRaja Malaysia merupakan agensi perisikan keselamatan utama Kerajaan yang diperlukan untuk memelihara keselamatan Negara. Cawangan ini bertanggungjawab untuk mengumpul dan menyediakan risikan operasi untuk pasukan keselamatan dalam usaha menentang perjuangan bersenjata.

Pasukan Polis DiRaja di negara ini dibentuk dan berkembang di atas pengalaman sejarahnya. Perkembangan pasukan ini berbeza dengan pasukan-pasukan polis lain. Pasukan ini bukan sahaja mampu untuk menjalankan tugas-tugas polis biasa malah berkemampuan juga untuk mengwujudkan Pasukan Separa Tertua.


**CARTA ORGANISASI  
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI  
TAHUN 1975**

HILJUNGAN I

43




**CARTA ORGANISASI  
JABATAN HAL EHWAL ORANG ASLI MALAYSIA  
1982**




**CARTA ORGANISASI  
IKATAN RELAWAN RAKYAT (RELA)**

HUJUNGAN III




**CARTA ORGANISASI  
JABATAN IMIGRESEN  
MALAYSIA (1981)**




**CARTA ORGANISASI  
JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN MALAYSIA  
1982**

HUJUNGAN V




**CARTA ORGANISASI  
IBU PEJABAT PENJARA MALAYSIA**




**CARTA ORGANISASI  
JABATAN PERTAHANAN AWAM**

HILJUNGAN VII



## **CARTA ORGANISASI POLIS DIRAJA MALAYSIA**

HUJUNGAN YII



## **Senarai Akta**

Jabatan Imigresen Malaysia

- Akta Imigresen 1989/63 (Akta 155)
- Peraturan-peraturan Imigeresen (FLW.228/63)

Jabatan pendaftaran Negara

- Akta Pasport 1966 (Akta 150)
- Akta Pendaftaran Negara 1959
- Aturan-aturan Kewarganegaraan 1964
- Ordinan Pendaftaran Kelahiran & Kematian 1957
- Ordinan Pendaftaran Kelahiran & Kematian Cap.123, 1948 Sabah
- Ordinan Pendaftaran Kelahiran & Kematian Cap.10,1951 Sarawak
- Ordinan Pendaftaran Anak Angkat Sabah 1952
- Ordinan Pengambilan Anak Angkat 1960 Sarawak
- Ordinan Pendaftaran Perkahwinan 1952
- Ordinan Pendaftaran Perkahwinan Sivil 1952
- Peraturan Pendaftaran Negara 1960
- Peraturan Pendaftaran Negara 1966 (Sarawak)
- Peraturan Pendaftaran Negara 1972 (Sabah)
- Peraturan-Peraturan Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1958
- Perlembagaan Malaysia Bahagian 3 - Kewarganegaraan

Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia

- Akta Pertubuhan 1966

Jabatan Pertahanan Awam

- Akta Pertahanan Awam 1951 (Pindaan 1979)
- Modification of laws (Civil Defence) (Extension to Borneo States and Singapore Order 1965)
- The Civil Defence Ordinance

Jabatan Polis Di Raja Malaysia

- Police Act. 4/1967
- Royal Malaysia Police Act (Amendment 69/1966)

## **Bibliografi**

Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri

- Anggaran Belanjawan Perbendaharaan Malaysia, 1977, 1979, 1980, 1981, 1982.
- Annual Report on the Federation of Malaya 1950-1963
- Annual Report of the Immigration Offices SS and FMS 1934, 1939.
- Federation of Malaya Yearbook 1957-1962
- Federation of Malaya, Malayan Civil Service 1955-1957.
- Kementerian Dalam Negeri (1951-1983)
- Malaysia Year Book 1963-1964, 1965

Jabatan Hal Ehwal Orang Asli

- A brief note of Policy regarding of the Administration of the Orang Asli of Peninsula Malaysia
- Federation of Malaya: The Aboriginal Peoples Ordinance 1954
- Jabatan Hal Ehwal Orang Asli,  
Kementerian Pembangunan Negara dan Orang Asli
- Laporan Tahunan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli
- Marketing of Orang Asli Produce
- Orang Asli - Satu Kajian Ringkas
- Penjelasan ringkas mengenai Ibu Pejabat Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Malaysia
- Pergerakan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli 1972
- Rang Anggaran Belanjawan 1970 Jabatan Hal Ehwal Orang Asli
- Statement of Policy Regarding the Administration of the Orang Asli of Peninsula Malaysia.

Ikatan Relawan Rakyat (RELA)

- Risalah Ikatan Relawan Rakyat Malaysia

Jabatan Imigresen Malaysia

- Jabatan Imigresen Malaysia (Risalah Terbitan)
- Laporan Tahunan Jabatan Imigresen Malaysia
- Risalah Jabatan Imigresen Malaysia

Jabatan Pendaftaran Negara

- Berita Pendaftaran Negara
- Laporan Tahunan Jabatan Pendaftaran Negara

Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia

- Laporan Tahunan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia 1982.

Jabatan Percetakan Negara

- Annual Report Printing Department, 1947, 1949
- Printing Department Malay Peninsula Kuala Lumpur

Jabatan Pertahanan Awam

- Civil Defence Test Program Establishment and Analysis
- Kertas Kerja mengenai peranan Pertahanan Awam membantu Perkhidmatan Bomba dalam mencegah dan memadam kebakaran.
- Organisasi Jabatan Pertahanan Awam Malaysia
- Penyusunan dan Kawalan Pertahanan Awam Ibu Pejabat Pertahanan Awam.

Jabatan Polis Di Raja Malaysia

- History and Progress of the Royal Malaysian Police (Risalah)
- Organisation and Functions of Royal Police Force